

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"CARA kita mengisi kemerdekaan ini sangatlah istimewa. Kita tidak lupa bersyukur dan berzikir kepada Allah dengan cara sembahyang berjamaah dan sama-sama mengamalkan doa. Inilah amalan negara Melayu Islam Beraja, negara kita." - Titah Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-30.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"SESIAPA yang melakukan kejahatan maka dia tidak akan dibalas melainkan seimbang dengan (kejahatan)nya dan sesiapa yang mengerjakan amalan salih sama ada laki-laki atau perempuan sedang dia orang yang beriman maka mereka itu akan masuk syurga, di dalamnya mereka dikurniakan rezeki tanpa batasan." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah al-Mu'min ayat 40).

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 11

26 JANUARI 2019 / 1440 جمادى الاول 20

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

# Hubungan persahabatan Brunei - Australia dan India semakin kukuh



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor-General Komanwel Australia, Tuan Yang Terutama General the Honourable Sir Peter Cosgrove, AK MC (Retired) dan Perdana Menteri Komanwel Australia, The Honourable Scott Morrison, MP serta kerajaan dan rakyat Australia bersempena dengan Hari Australia. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Ram Nath Kovind dan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi dan kerajaan serta rakyat Republik India bersempena dengan Hari Republik negara tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor-General Komanwel Australia, Tuan Yang Terutama General the Honourable Sir Peter Cosgrove, AK MC (Retired) dan Perdana Menteri Komanwel Australia, The Honourable Scott

Morrison, MP serta kerajaan dan rakyat Australia bersempena dengan Hari Australia. Dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Governor-General Komanwel Australia, TYT General the Honourable Sir Peter Cosgrove, AK MC (Retired), Kebawah DYMM amat menghargai kerjasama yang mesra dan persahabatan yang sekian lama dinikmati di antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia, dan berharap perhubungan yang sungguh bernilai ini akan diperkukuhkan lagi di tahun-tahun mendatang.

Sementara itu dalam titah perutusan yang sama kepada Perdana Menteri Komanwel Australia, Tuan Yang Terutama Scott Morrison, MP, baginda menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam dengan Australia menikmati persahabatan yang mesra dan kerjasama yang rapat dalam pelbagai bidang. Baginda seterusnya berharap akan dapat bekerja dengan TYT dalam mengukuhkan kerjasama dua hala yang sangat bernilai ini, termasuk sebagai rakan kongsi serantau dalam ASEAN, APEC dan Komanwel.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan tersebut, baginda menyampaikan salam muhibah dan kegembiraan kepada Governor-General Komanwel Australia, TYT General the Honourable Sir Peter Cosgrove, AK MC (Retired) dan Perdana Menteri Komanwel Australia, TYT Scott Morrison, MP dan rakyat Australia sempena menyambut perayaan tersebut. Sementara itu, baginda telah juga berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Ram

Nath Kovind dan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi dan kerajaan serta rakyat Republik India bersempena dengan Hari Republik negara tersebut. Di dalam titah perutusan baginda kepada Presiden Republik India, TYT Shri Ram Nath Kovind, baginda berharap semoga TYT bergembira menyambut hari perayaan tersebut dan seterusnya berpeluang untuk meningkatkan kerjasama di berbagai bidang untuk kepentingan bersama di tahun-tahun mendatang.

Ke muka 4

## Agribisnes memperkukuh prospek eksport negara

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Januari. - Potensi yang sangat besar bidang agribisnes bukan sahaja penting dalam membantu memperkukuhkan prospek eksport negara ini dan meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara, malahan juga menyediakan lebih banyak peluang kerjaya bagi para belia dalam perniagaan berasaskan agro.

Kadar belia yang meneroka sektor pertanian masih rendah memandangkan masih ada salah faham bahawa bidang perladangan dan pertanian mempunyai prospek pekerjaan yang kurang, dan keusahawanan pertanian adalah usaha yang berisiko. Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Lembaga Pengelola IBTE

menegaskan perkara itu pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara LiveWIRE Brunei bersama Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bertujuan bagi mendukung pembangunan usahawan agro (agropreneur) di negara ini. Majlis penandatanganan bagi AgroBIZ : Skim Usahawan Agro Padi (Padi Agropreneurs Scheme) itu berlangsung di Dewan Serbaguna, Kampus Agro-Teknologi IBTE, Kampung Wasan.

Ke muka 5

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN



Muka 5

PROMOSI hebat Pesta Pengguna Ke-22



Muka 8

BANTU kanak-kanak terpilih dalam meningkatkan pembelajaran ICT

# Sektor pelancongan negara terus meningkat

Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**T**ERIMA kasih kepada semua yang berada di sini pada hari terakhir tahun 2018. Saya gembira melihat begitu ramai yang terlibat dalam menayakan Festival Disember Brunei kedua. Ketika kita menutup lembaran akhir tahun 2018, saya bangga mengatakan bahawa ini merupakan tahun membanggakan untuk Negara Brunei Darussalam (NBD) khususnya dalam sektor pelancongan. Dengan peningkatan berterusan, pakej pelancongan baharu dan dengan menganjurkan acara-acara di negara ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa sehingga September 2018 kita telah mencapai peningkatan sebanyak 5.9 peratus (21,492) dalam kedatangan pelancong berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Festival Disember Brunei kedua menyediakan lebih daripada 60 acara berbanding 40 acara tahun lepas, yang menawarkan pelbagai acara dari Pesta Makanan Antarabangsa, Budaya dan Seni Kreatif, Festival Islam, Sukan dan Pengembaraan dan pelbagai aktiviti yang menyeronokkan. Kami amat berbesar hati tahun ini menyaksikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan merasmikan festival ini pada 2 Disember 2018 dan seterusnya menyertai acara berbasikal melalui Bandar Seri Begawan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja yang lain juga berkenan menyaksikan pameran Jalanan Kelupis Terpanjang di Negara Brunei Darussalam, dengan ukuran 200 metre dan telah disenaraikan dalam Buku Rekod Brunei.

Ini juga memberikan peluang kepada orang ramai bertemu baginda untuk memperkenalkan acara-acara mereka dan menunjukkan sokongan penuh untuk perayaan tahun ini.

Pada petang ini kita berkumpul di sini untuk menunjukkan penghargaan kita kepada mereka yang terlibat dan telah banyak menyumbang kepada kejayaan penganjuran Festival Disember Brunei kali kedua ini. Hanya untuk berkongsi beberapa acara kemuncak Festival Disember Brunei dalam empat minggu yang lalu termasuk 1st Brunei Unexpected Kingdom Ultra Marathon anjuran Begawan Athlete Enterprise dengan penyertaan 16 pelari antarabangsa daripada 419 peserta termasuk dari Hungary, Perancis dan Jerman. Green



**MENTERISumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong pada Majlis Penghargaan untuk Brunei Disember Festival 2018 pada 31 Disember 2018 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.**

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan

Jewel Night Run yang dianjurkan untuk tahun ke 3 berturut-turut oleh pertubuhan CARE yang disertai oleh lebih daripada 400 peserta termasuk beberapa pelari antarabangsa dari Amerika Syarikat, New Zealand dan Morocco. Kira-kira 17 peserta antarabangsa menyertai Jungle Quest yang dianjurkan oleh Entee Management dan 20 peserta antarabangsa bagi Asia MTB Series yang diadakan di Hutan Simpan Berakas. Juga pameran filem antarabangsa yang dibawa oleh Origin Films dengan sokongan Kedutaan-kedutaan dan Suruhanjaya-suruhanjaya Tinggi di Brunei Darussalam.

Chef terkenal Indonesia Chef Juna dibawakan oleh Kedutaan Besar Indonesia untuk Fabulous Culinary of Indonesia, Chef Arnaud Tabarec untuk kelas memasak Savoir Faire Perancis yang dianjurkan oleh Alliance Francaise dan Pesta Makanan Singapura yang dianjurkan oleh Royal Brunei Catering dengan sokongan Suruhanjaya Tinggi Singapura yang menawarkan Masakan Kampung Singapura dari Restoran Maimunah. Acara lain termasuk 1st ASEAN Rover Moot, Kejohanan Gusti Tangan Terbuka, Pertandingan Dart Double Dart Brunei Terbuka Pertama, Brunei Mountain Bike Temburong, Perlumbaan Powerboat RC

Terbuka, serta Kejohanan Karate Do Terbuka Antarabangsa Shitokai.

Terdapat juga beberapa acara yang menjadi tarikan pengunjung seperti Muslim Youth Camp, Alpha Challenge, BelaitFest, Splat Paintball Tournament. Acara-acara dan ekspo bertema adalah antara aktiviti yang dianjurkan semasa musim cuti sekolah seperti Pameran Seni Raja Julangan Kasih Rakyat oleh Atelier Hui Fong, Story of Lights di Taman Permainan Jerudong, Karnival DST dan Farmer Market Postcard daripada Peladang Tempatan di mana hidangan lazat masakan tempatan telah disajikan oleh Eco Ponies Garden; dan White Sand Safari yang menawarkan pengalaman makan yang unik di atas pasir putih dan dan banyak acara lain yang disusun sepanjang bulan Disember. Saya percaya anda semua layak mendapatkan penghargaan. Tahniah diucapkan kepada semua penganjur acara.

Beberapa acara akan diteruskan sehingga pertengahan bulan Januari 2019 antaranya Drone Race and Rise Up, Brunei Traditional Archery Festival, Kem Latihan Brunei Martial Arts International dan Brunei Salebration yang akan diadakan sehingga awal bulan Februari 2019.

Alhamdulillah, tahun ini Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan melalui Lembaga Pelancongan Brunei telah melancarkan Pakej Destinasi Cuti-cuti Temburong dan Pekan Bangar Walking Trail, Buku Panduan Musafir dan Pakej Bird Watching. Saya bangga bahawa kita telah berjaya menganjurkan satu kalendar yang penuh dengan acara menarik dengan sokongan dan kerjasama sektor swasta termasuk Minggu Gastronomi Brunei Ke-2; Pesta Alam Brunei; Perlumbaan Royal Brunei Enduro Mountain Bike; Kejohanan Golf Brunei Richard Mille; Pertandingan Persatuan Golf Wanita Korea (KLPGA) di The Empire Hotel and Country Club dan Sail Brunei 2018.

Untuk tahun 2019, saya menggalakkan semua Penganjur Acara untuk menganjurkan lebih banyak acara tradisi dan antarabangsa yang akan menarik lebih banyak pelancong ke negara ini. Kekal berkarya dan kreatif untuk industri pelancongan Brunei supaya kita dapat menjadikannya sebagai sebahagian daripada acara-acara dalam kalendar tahunan. Selain itu, Bandar Seri Begawan akan menjadi Ibu Negeri Budaya Islam bagi rantau Asia pada tahun 2019 dan ini memberi peluang baik untuk mengadakan lebih banyak acara yang akan menjadikan Brunei sebagai destinasi pelancongan yang lebih menarik.

Ke muka 6

Dari Sidang Pengarang.

26 JANUARI 2019 BERSAMAAN 1440 جمادى الأول 20

## HADAPI UJIAN HIDUP DENGAN SABAR DAN TABAH

**D**ALAM menjalani kehidupan seharian kita tidak akan lari daripada menerima ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, setiap umat Islam mestilah tabah, sabar dan reda menerima dugaan dan bencana tertentu. Allah Subhanahu Wata'ala menguji umat Islam supaya mempunyai kesabaran dan tabah menghadapi setiap dugaan. Bagi mereka yang sabar dan tabah menghadapinya akan mendapat ganjaran di sisi-Nya.

Sesungguhnya ujian dan dugaan yang ditimpakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya itu adalah untuk menguji sejauh mana kekuatan iman, ketaqwaan dan kesabaran mereka, sepertimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ankabut ayat 2 - 3 : Tafsirnya : "Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan (hanya) berkata : Kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji. Dan demi sesungguhnya kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar beriman dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang ber dusta."

Dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini ada menekankan bahawa antara ujian yang benar-benar menduga keimanan dan kesabaran seseorang itu ialah ujian sakit, iaitu menderita terhadap sesuatu yang menimpa diri seseorang yang menyebabkan sakit atau sebahagian tubuh berasa tidak sihat atau uzur. Oleh yang demikian, terdapat hikmah dan kebaikan dibalik ujian sakit antaranya jika orang itu reda, sabar dan tabah menghadapi penyakitnya, maka mereka akan mendapat ganjaran pahala dan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, ujian sakit ini adalah sebagai peringatan kepada kita agar tidak lalai dan leka daripada mengerjakan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan larangan-Nya serta supaya sentiasa terus meningati dan taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Di samping itu, jika semasa sihat seseorang itu lazimnya terlalu sibuk dengan urusan duniawi sehingga lupa pada kewajipannya untuk memperhambakan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan beribadah kepada-Nya, maka dengan ujian dan dugaan yang diberikan tersebut akan membuatnya sedar dan kembali mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

Perlu diingat jua dalam kehidupan ini terdapat dua nikmat yang seringkali dilupakan dan diabaikan seperti yang disebutkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Ibnu Abbas Radiallahu 'Anhum, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bermaksud : "Ada dua jenis nikmat yang kebanyakan orang terlalai olehnya, iaitu kesihatan dan waktu lapang".

Apabila diuji dengan suatu penyakit sama ada sakit yang ringan mahupun kronik, maka sebagai umat Islam, perkara utama yang perlu dilakukan ialah muhasabah diri, mengingat kembali kesalahan atau dosa yang telah dilakukan. Setelah itu, hendaklah menyesali keterlanjuran itu dan seterusnya bertaubat dan berazam tidak melakukannya lagi.

Oleh itu, sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala, kita hendaklah sentiasa bersyukur segala nikmat kesihatan dan waktu yang dikurniakan agar tidak lalai dengan segala yang dinikmati di dunia ini. Selain itu, kita hendaklah sentiasa muhasabah diri apabila berhadapan dengan ujian dan dugaan yang datang silih berganti. Bagi mereka yang sabar dan tabah menghadapinya akan mendapat ganjaran di sisi-Nya. Aamiin Ya Rabbalalamin!  
- Ketua Penyuntingan (Rd)

**RAMALAN CUACA 3 HARI**

SABTU	AHAD	ISNIN
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
31 24 °C	30 23 °C	31 24 °C
<b>PEKAN BANGAR</b>		
31 24 °C	29 23 °C	30 24 °C
<b>PEKAN TUTONG</b>		
30 24 °C	29 23 °C	30 24 °C
<b>KUALA BELAIT</b>		
32 24 °C	30 23 °C	31 24 °C

Wallahualam Bissawab | Talian Cuaca | Brunei WX App  
Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam | 114 | www.met.gov.bn

**WAKTU SEMBAHYANG**

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	SABTU	20	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
27	AHAD	21	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	ISNIN	22	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
29	SELASA	23	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43
30	RABU	24	5.06	5.16	6.36	7.00	12.34	3.56	6.31	7.43
31	KHAMIS	25	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
1 FEBRUARI	JUMAAT	26	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN** | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | NDMC 123 | 2380214

# Berkenan berangkat tinjau kemudahan LTAB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi meninjau kemudahan-kemudahan yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman

Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi meninjau kemudahan-kemudahan yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dijunjung oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Sejurus keberangkatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan membuat tinjauan ke Restoran Tarindak Ungkayah Graduan yang terletak di Ruang Pelepasan LTAB.

Semasa di restoran tersebut, Kebawah DYMM berkenan menerima Aiskrim Tarap yang dipilih oleh baginda sendiri dari beberapa aiskrim buah buatan tempatan dan seterusnya mencuba jus buah tembikai yang disembahkan oleh restoran

berkenaan.

Mula beroperasi pada 6 Januari yang lalu, Restoran Tarindak Ungkayah Graduan merupakan usaha yang diilhamkan oleh baginda dalam membantu belia serta mencetus lebih banyak idea dalam kalangan graduan di negara ini untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan sebagai sumber pendapatan.

Restoran Tarindak Ungkayah Graduan adalah satu-satunya restoran yang diusahakan sendiri dan sepenuhnya oleh 16 lepasan graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka di dalam dan di luar negara.

Restoran yang mendapat respon menggalakkan dari orang ramai itu, dibuka setiap hari bermula jam 7.00 pagi hingga jam 12.00 malam kecuali pada Jumaat bermula jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dibuka semula pada jam 2.00 petang hingga jam 12.00 malam.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengendalikan pesawat Boeing 787 Dreamliner semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat bagi meninjau kemudahan-kemudahan yang terdapat di LTAB (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah DYMM berkenan melihat sendiri aiskrim buatan tempatan yang dihidangkan di Restoran Tarindak Ungkayah Graduan, LTAB.




BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah daripada graduan-graduan yang mengusahakan Restoran Tarindak Ungkayah Graduan (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan bergambar ramai beramai para pengunjung Restoran Tarindak Ungkayah Graduan.

# Kerjasama pertahanan Brunei-Malaysia terus kukuh

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu di Istana Nurul Iman.

Hadir pada Majlis Menerima Mengadap tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Rafedah binti Abd. Aziz.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu di Istana Nurul Iman.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah menikmati sejarah kerjasama pertahanan yang panjang menerusi perjanjian pertahanan, pertukaran profesional di semua peringkat, kepada latihan dan eksekusi merentasi Tentera Darat, Tentera

Laut dan Tentera Udara.

Kedua-dua negara juga bekerjasama dalam beberapa platform pelbagai hala, seperti Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) dan ADMM-Plus, serta melalui operasi pengaman antarabangsa,

iaitu Pasukan Pemantauan Antarabangsa (IMT) di Mindanao dan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL). Menteri Pertahanan Malaysia berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan

pengenalan rasmi.

Lawatan sepanjang tiga hari yang bermula pada 22 hingga 24 Januari 2019 bertujuan untuk meneruskan usaha pengukuhan kerjasama pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

## Dari muka 3

Setentunya keberangkatan Kebawah DYMM ke Restoran Tarindak Ungkayah Graduan, mencerminkan keprihatinan dan pemedulian baginda yang berterusan terhadap hal ehwal kebajikan para belia di negara ini.

Baginda seterusnya berangkat ke Restoran Anjung Saujana yang merupakan salah sebuah cabang Royal Brunei Catering (RBC) yang terletak berdekatan Restoran Tarindak Ungkayah Graduan.

Baginda kemudian berkenan meninjau kemudahan yang ada di ruang berlepas LTAB dan

seterusnya berkenan mengendali pesawat Boeing 787 Dreamliner.

Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) ketika ini mempunyai 14 buah pesawat, iaitu lima buah pesawat Dreamliner, tujuh buah pesawat AirbusNeo and dua buah pesawat AirbusA320XLR.

RB ketika ini juga membuat penerbangan terus ke 23 buah destinasi termasuk London, Jeddah, Dubai, Bangkok, Bandar Ho Chi Minh, Kuala Lumpur, Singapura, Jakarta, Surabaya, Bali, Melbourne, Kuching, Kota Kinabalu, Manila, Taipei, Hangzhou, Shanghai, Hong Kong, Haikou, Nanning, Changsha, Seoul dan Tokyo.

## Hubungan persahabatan Brunei - Australia dan India semakin kukuh

### Dari muka 1

Sementara dalam titah perutusan yang sama kepada Perdana Menteri Republik India, TYT Shri Narendra Modi, baginda merakamkan penghargaan di atas hubungan erat dan persahabatan yang telah dinikmati oleh kedua-dua buah negara dan rakyat masing-

masing, dan seterusnya berharap dapat terus bekerja dengan TYT dalam mengukuhkan hubungan yang penting ini.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan kepada Presiden Republik India, TYT Shri Ram Nath Kovind dan Perdana Menteri Republik India, TYT

Shri Narendra Modi, baginda menyampaikan salam muhibah kepada TYT - TYT dan berharap semoga mereka memperoleh kesihatan dan kegembiraan yang berterusan dan Republik India serta rakyatnya akan terus menikmati kemajuan dan kemakmuran yang berpanjangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai bersama graduan-graduan Restoran Tarindak Ungkayah Graduan.

# Promosi hebat Pesta Pengguna Ke-22

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Januari.** - Pesta Pengguna (Consumer Fair - CF) Ke-22 kembali untuk edisinya tahun ini dengan pelbagai pilihan produk beraneka barangan, perkhidmatan dan makanan bagi memenuhi citarasa para pengunjungnya bermula hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Perasmianya disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Terdahulu, Pengarah Eksekutif D'Sunlit Sdn. Bhd., Dato Paduka Haji Danial bin Haji Hanafiah dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, lebih 400 petak dari 180 penyertaan daripada dalam dan luar negeri menyertai

CF Ke-22, berlangsung selama lima hari bermula dari 23 Januari sehingga 27 Januari ini.

Katanya, tema kali ini adalah berdekatan dengan jiwa orang kitani menerusi karakter kartun keluarga tempatan, Baba, Babu, Alai dan Boiboi.

Kejayaan CF yang dikendalikan menurutnya adalah sokongan dan kerjasama semua pihak termasuk agensi kerajaan, rakan kongsi serta para peserta dan juga pengunjung.

Pada pesta itu nanti, pelbagai aktiviti menarik disediakan bagi penyertaan para pengunjung antaranya 'rush hour Grab and Save' yang menawarkan hargarendah daripada berlainan zon selama satu jam setiap hari.

Selain itu, sepanjang berlangsungnya pesta berkenaan, orang ramai juga akan menikmati promosi berganda bagi barang

dagangan dan promosi terhebat bagi telur ayam, iaitu satu tray berharga BND3.00 dan dua tray hanya BND5.00 sahaja serta pelbagai tawaran hebat hanya di CF Ke-22 ini.

Bukan itu sahaja, kejutan bakal menanti kepada para pengunjungnya pada Jumaat nanti.

Pesta Pengguna ini disokong oleh JASTRE, di mana ke arah menyokong kempen 'Tiada Beg Plastik Setiap Hari', para pengunjung disarankan untuk membawa beg membeli belah sendiri.

Pegawai Eksekutif Pemasaran dan Pengurusan, Kah Seng semasa ditemui berkata, selain penyertaan tempatan, ianya juga disertai oleh para peniaga negara luar, iaitu Malaysia, Republik Singapura, Thailand dan China.

Pihak penganjur menyasarkan seramai lebih 80 ribu pengunjung dijangka akan mengunjungi pesta pengguna kali ini.




MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong merasmikan Pesta Pengguna (Consumer Fair - CF) Ke-22.

CF Ke-22 dibuka bermula jam 10.00 pagi hingga jam 10.00 malam kecuali hari Jumaat akan ditutup sementara dari jam 12.00 tengah hari sehingga jam 2.00 petang.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyaksikan pelbagai produk yang menawarkan promosi hebat di CF Ke-22 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri dan kanan).



# Agribisnes memperkukuh prospek eksport negara

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

Dari muka 1

"Oleh itu, ia adalah tepat pada masanya perkongsian antara IBTE

dan LiveWIRE Brunei akan menangani salah faham demikian dan membantu membina



YANG Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Lembaga Pengelola IBTE dan Pengarah Urusan BSP, Dr. Ceri M. Powell menyaksikan pertukaran dokumen pada Majlis Menandatangani MoU antara LiveWIRE Brunei dan IBTE yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kampus Agro-Teknologi IBTE, Kampung Wasan.

keyakinan serta meningkatkan dan mengekalkan minat generasi muda kita ke arah sektor ini," kata Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah selaku tetamu kehormat.

Melalui LiveWIRE Agrobiz jelasnya, usahawan muda agro tempatan akan diberi peluang untuk memperkembangkan dan mengekalkan perniagaan mereka dalam penghasilan padi.

Sementara itu, Pengarah Urusan BSP, Dr. Ceri M. Powell dalam ucapannya berkata, para peserta akan dilatih oleh pembimbing - pembimbing berpengalaman dari LiveWIRE termasuk dalam bidang keusahawanan, pengurusan ladang komersial, teknikal serta perniagaan.

"Selain itu, kami akan menggalakkan penggunaan kaedah terbaik teknik perladangan, menggunakan jenis padi berhasil tinggi dan mesin untuk meningkatkan penghasilan serta membuatkan penghasilan lebih efisien," katanya.

Katanya, teknologi memainkan peranan penting dalam mendorong para peserta untuk menyertai skim ini, di mana teknologi bukan sahaja

menghasilkan usahawan agro yang mempunyai semangat daya saing, malahan juga meningkatkan kecekapan dan inovasi dalam perladangan.

Menandatangani bagi pihak IBTE ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd Zamri bin Haji Sabli dan Pengetua Kampus Satelit IBTE, Awang Norjemee bin Jenek.

Manakala In country Value Manager, Brunei Shell Petroleum (BSP), Dayang Hajah Rosita binti Haji Hassan dan Programme Director LiveWIRE Brunei, Pengiran Redzuan bin Pengiran Haji Abbas menandatangani bagi pihak Live WIRE.

Program BSP's Social Investment melalui LiveWIRE Brunei katanya, akan membiayai skim berkenaan bagi selama tiga setengah tahun dengan jumlah pelaburan sebanyak kira-kira BND1.65 juta meliputi kesemuanya termasuk penyelenggaraan dan penggunaan teknologi baharu.

Setelah menyelesaikan program ini tambahnya, para peserta akan berpeluang untuk mendapatkan pembiayaan LiveWIRE Business Award Start-up iaitu skim




PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh semasa berucap.

pembiayaan tanpa faedah untuk memulakan perniagaan masing-masing.

Kitaran penanaman pertama bagi skim ini akan bermula pada bulan Oktober nanti dan akan diuruskan oleh seramai lebih kurang 15 pelajar di bawah seliaan seorang pengurus projek.

# Kerjasama AJC, AKC tingkatkan jumlah pelancong dihargai



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong ketika mengadakan perjumpaan bersama Setiausaha Agung Pusat ASEAN-Korea (AKC), Tuan Yang Terutama Lee Hyuk (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengadakan perjumpaan dengan Setiausaha Agung Pusat ASEAN-Jepun (AJC), Tuan Yang Terutama Masataka Fujita.



## Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**HA LONG CITY, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM**, Rabu, 23 Januari. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong pada 18 Januari 2019 telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama dua perwakilan dari Jepun dan Republik Korea semasa menghadiri Forum Pelancongan ASEAN Ke-38.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mula-mula mengadakan perjumpaan dengan Setiausaha Agung Pusat ASEAN-Jepun (AJC), Tuan Yang Terutama Masataka Fujita.

Centre - AJC), Tuan Yang Terutama Masataka Fujita diikuti perjumpaan Setiausaha Agung Pusat ASEAN-Korea (AKC), Tuan Yang Terutama Lee Hyuk.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama, Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh; Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak serta para pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP.

Pada pertemuan berkenaan,

Yang Berhormat melahirkan rasa penghargaan kepada AJC dan AKC atas inisiatif mereka dalam mempromosikan pelancongan, dan memperkukuhkan pertukaran rakyat dan budaya antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun serta Republik Korea sepanjang tahun 2018 dan berharap untuk melihat lebih banyak penyertaan dalam pelbagai aktiviti tahun 2019 ini.

Semasa Mesyuarat Dua Hala bersama AJC, kedua pihak membincangkan aktiviti berkaitan pelancongan serta usaha-usaha bagi meningkatkan jumlah pelancong antara kedua-dua destinasi. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga mengambil kesempatan mengucapkan setinggi terima kasih kepada AJC atas inisiatif mereka, terutamanya

dalam menyediakan program pembangunan kapasiti kepada pengusaha pelancongan di NBD di samping menggalakkan AJC untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam inisiatif berkaitan pelancongan, termasuk menyediakan kemahiran bahasa kepada pemandu pelancong serta program pertukaran belia.

Bagi pihak, NBD, Yang Berhormat juga mengucapkan terima kasih kepada AJC atas sokongan dan sumbangan mereka menterjemahkan bahan promosi pelancongan NBD ke dalam bahasa Jepun dan berharap dapat bekerjasama dalam menganjurkan Minggu Festival Brunei pada Februari 2019 sempena pelancaran penerbangan sulung ke Narita, Jepun.

Sementara itu dalam pertemuan dua hala dengan AKC, Yang

Berhormat juga melahirkan penghargaan yang sama atas sokongan bagi pengendalian bengkel pembinaan kapasiti pelancongan kepada pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong dalam komunikasi, bahasa dan perkhidmatan lain untuk memudahkan para pelancong dari Republik Korea melancong ke NBD.

Jelas Yang Berhormat, peningkatan jumlah pelancong dari Republik Korea ke NBD bukan sahaja disebabkan oleh kesalinghubungan tetapi juga melalui usaha pengusaha pelancongan yang menyediakan pendedahan mengenai NBD kepada Republik Korea.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat meminta sokongan AKC dalam menterjemahkan bahan promosi pelancongan ke bahasa Korea untuk digunakan oleh pengendali pelancongan di Republik Korea ke arah meningkatkan promosi pelancongan di NBD.

NBD jelas Yang Berhormat, mengalu-alukan sokongan yang diberikan oleh AKC dalam menganjurkan Bengkel Pembinaan Kapasiti Pelancongan ASEAN dari 30 hingga 31 Januari 2019 di Bandar Seri Begawan, di samping menggalakkan kerjasama erat antara syarikat penerbangan, ejen pelancongan dan Lembaga Pelancongan Brunei dengan syarikat penerbangan dan ejen pelancongan dari Republik Korea.

Adalah diharapkan dengan semua inisiatif dan kerjasama antara NBD dan Pusat ASEAN dapat membawa manfaat bersama dan menarik lebih banyak jumlah pelancong ke destinasi-destinasi tersebut.

# Lawat tempat-tempat menarik dan bersejarah



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff (kiri) dan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu merakamkan gambar kenangan di Taman Mahkota Jubli Emas dengan berlatarbelakangkan Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 Januari. - Berikutan lawatan rasmi ke Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Majlis Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan

Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu telah melawat ke beberapa tempat bersejarah dan kebudayaan menarik di Negara Brunei Darussalam.

Sempena lawatan tersebut, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff bersama-sama Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia mengadakan senaman pagi - *briskwalking* - di Taman Mahkota Jubli Emas di ibu negara dan juga menganjurkan sarapan pagi di taman tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu dan delegasi turut melawat Muzium Alat Kebesaran Diraja di sebelah pagi, diikuti lawatan ke Kampung Ayer dan Galeri Kebudayaan dan Pelancongan pada sebelah petang.

Menteri Pertahanan Malaysia juga berpeluang melawat Kampung Peramu dan Kampung Tamoi yang merupakan kawasan kecil di sekitar Kampung Ayer. Semasa lawatan ke Kampung Tamoi, Yang Berhormat menyaksikan demonstrasi pembuatan kuih-muih tempatan, diikuti dengan hiburan muzik tradisional dan pencak silat.

Lawatan terakhir Menteri Pertahanan Malaysia ialah ke

## Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan sempat menunaikan Sembahyang Fardu Asar sebelum menamatkan lawatan di Negara Brunei Darussalam.

Semalam, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu dan rombongan juga berpeluang menunaikan Sembahyang Fardu Asar di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

## HALUAN

### Dari muka 2

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih dan tulus ikhlas kepada anggota Lembaga Pelancongan Brunei, JPKE di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Agama Hal Ehwal, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengangkutan dan Komunikasi Maklumat, Lembaga Bandaran dan Pejabat Daerah di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Royal Brunei. Perwakilan Asing di Brunei, Hotel dan Restoran yang telah menganjurkan acara kebudayaan dan pesta makanan antarabangsa. Rakan strategik, Pengurus Acara, masyarakat

setempat, NGO, pasukan sukarelawan yang berdedikasi, rakan media terutamanya RTB. Terima kasih juga kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Bomba dan Penyelamat dan pasukan paramedik untuk sokongan dan kerjasama berterusan mereka.

Dalam pada itu, sekali lagi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menayakan Festival Disember Brunei tahun ini dan harapan saya semoga tahun hadapan perayaan akan lebih besar dan mengembirakan.

Akhirnya saya ingin mengucapkan tahniah dan selamat menikmati petang yang menyenangkan ini dan marilah kita bersama-sama mengalu-alukan tahun kejayaan bagi bidang pelancongan pada tahun 2019!



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyampaikan Kuliah Khas bertajuk 'Signifikansi Tithah Pemasyhuran Kemerdekaan'.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Januari. - Melayu Islam Beraja (MIB) adalah falsafah negara dan teras kenegaraan, yang menjadi pegangan rakyat Brunei untuk terus memelihara dan mengekalkannya dari masa ke semasa.

Perkara tersebut merupakan antara intipati Kuliah Khas bertajuk 'Signifikansi Tithah Pemasyhuran Kemerdekaan' disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Kuliah Ilmiah Kursus MIB Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sesi 2018/2019 (Semester 2) berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA, Gadong.

Yang Berhormat Pehin juga menjelaskan bahawa berkat

kepimpinan pemerintahan beraja yang berkesan pada menaungi kepentingan rakyat dan negara, falsafah negara MIB di peringkat antarabangsa telah menempati dan menyandang dengan baik dan wajar posisi, serta statusnya dalam keadaan aman tenteram dalam kalangan negara-negara dunia.

Dengan kepimpinan yang berkesan itu, nilai-nilai MIB diterapkan secara bijaksana dan betul demi merealisasikan tiga perkara aspirasi nasional dan azam politik yang diungkapkan dalam Watikah Pemasyhuran Kemerdekaan, iaitu sebagai negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Dalam Kuliah Khas tersebut, Yang Berhormat turut mengingatkan agar sejarah perjuangan mencapai

# Konsep MIB kekalkan pemerintahan beraja

kemerdekaan dihayati oleh generasi muda, agar mereka benar-benar memahami asas dalam mempertahankan negara dengan konsep MIB yang telah lama mengekalkan pemerintahan beraja sampai sekarang selama lebih 1500 tahun.

Kuliah Khas MIB anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UNISSA itu dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UNISSA, Dr. Adam bin Haji Jait.

Kursus MIB adalah kursus yang ditawarkan kepada mahasiswa / mahasiswi Tahun 1, UNISSA yang

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

dikategorikan sebagai Kursus Wajib Universiti. Dalam keberhasilan Kursus MIB ini, mahasiswa / mahasiswi diharap akan memahami konsep MIB dengan lebih dalam dan luas serta menjadikannya sebagai pegangan cara hidup dalam menghadapi gelombang moden dan arus globalisasi.

Hadir sama mendengarkan Kuliah Khas tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji

Norrfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar; Pengarah Pusat Dakwah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; Pegawai-pegawai Utama UNISSA, para pensyarah dan mahasiswa / mahasiswi UNISSA.



YANG Berhormat Menteri hal Ehwal Ugama bergambar kenangan bersama para peserta Kuliah Ilmiah Kursus MIB Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sesi 2018/2019 (Semester 2).

# Kukuhkan hubungan dua hala pertahanan



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof (kanan) menerima kunjungan muhibah Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu di Kementerian Pertahanan (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu berkesempatan melawat Akademi Pertahanan (ABDB).



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman, Kementerian Pertahanan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Januari. - Hubungan kerjasama dua hala bidang pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang telah sekian lama wujud, terus kukuh dengannya latihan ketenteraan bersama serta pertukaran lawatan daripada para pegawai kedua-dua pihak.

Sehubungan itu, Menteri Pertahanan Malaysia, Yang

Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu telah membuat kunjungan muhibah dengan Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof bertempat di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, hari ini.

Sejurus tiba, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad dialu-alukan

dengan perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Semasa pertemuan tersebut, kedua-dua belah pihak telah mengulangi komitmen untuk memperkuatkan hubungan dua hala pertahanan dan ketenteraan yang sedia ada dan meningkatkan lagi kerjasama dalam pelbagai bidang pertahanan dan ketenteraan menerusi platform dua hala dan pelbagai hala.

Kedua-dua institusi pertahanan dan tentera telah sering

bekerjasama pada peringkat serantau dan peringkat antarabangsa, khususnya di bawah rangka Pasukan Pemantauan Antarabangsa (IMT) di Mindanao dan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL).

Sepanjang program lawatan beliau, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad juga berkesempatan melawat Muzium ABDB dan Akademi Pertahanan (ABDB) dan berinteraksi dengan pegawai-pegawai Malaysia yang menyertai Kursus Maktub Turus Sesi Ke-9.

Beliau juga melawat beberapa tempat kebudayaan termasuk Taman Mahkota Jubli Emas, Muzium Alat Kebesaran Diraja, kawasan Kampong Ayer, Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Menteri Pertahanan Malaysia berada di negara ini selama tiga hari mulai dari 22 hingga 24 Januari 2019 bagi lawatan pengenalan rasmi sebagai menandakan komitmen dalam memperkukuhkan lagi hubungan dan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

# Md. Shahrolazmi dan Muhammad Fadzley lafaz kalimah syahadah

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pengislaman saudara baharu iaitu Md. Shahrolazmi bin Suliman, 24, dan Muhammad Fadzley bin Abdullah Simpai, 25.

MASIN, Jumaat, 25 Januari. - Dua warganegara Brunei Darussalam bangsa Iban yang telah menerima hidayah, hari ini melafazkan kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman yang berlangsung di kediaman Awang Md. Hisa bin Abdullah di Kampung Bebatik, di sini.

Majlis tersebut dihadiri oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku tetamu kehormat.

Majlis pengislaman itu dikendalikan oleh pegawai Unit Pengislaman, Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Sejurus lafaz ikrar pengislaman, saudara baharu tersebut diraikan dengan Dikir Marhaban bagi menyerikan lagi majlis.

Saudara baharu berkenaan, Shahrolazmi Anak Suliman, 24, yang kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Md. Shahrolazmi bin Suliman semasa ditemui Pelita Prunei berkata, "Saya merasa bersyukur kerana memilih agama Islam sebagai agama anutan saya yang sebenar.

Keinginan untuk memeluk agama Islam sudah mula timbul sejak dibangku sekolah lagi kerana

pernah saya pernah belajar di sekolah agama dan ditambah lagi dengan pergaulan bersama keluarga yang telah memeluk agama Islam dan kawan yang beragama Islam, menguatkan lagi keinginan saya ini tercapai."

Manakala, Erra Fadzley Anak Simpai yang dikenali sebagai nama Islamnya, Muhammad Fadzley bin Abdullah Simpai, 25, menjelaskan, beliau memang sejak dulu lagi ingin memeluk agama Islam setelah melihat keindahan kehidupan orang-orang Islam di negara ini yang hidup dengan aman damai.

Jelasnya, kini impiannya untuk memeluk agama Islam tercapai sekaligus menjadikan agama suci ini sebagai agama anutannya yang sebenar.

Menurut kenyataan dari Unit Pengislaman, PDI jumlah saudara-saudara baharu seluruh negara yang dicatatkan sepanjang tahun 2018 dari Januari hingga Disember ialah seramai 404 orang.

## Ke arah mengukuhkan alam sekitar dan ekonomi hijau



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (Kiri) bersama Timbalan Perdana Menteri, Singapura, Tuan Yang Terutama Mr. Teo Chee Hean semasa menghadiri Forum Menteri-Menteri dan Pihak Berkuasa Alam Sekitar Asia dan Pasifik Ke-3 diadakan di Republik Singapura.

### Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Pembangunan

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 25 Januari. - Forum Menteri-Menteri dan Pihak Berkuasa Alam Sekitar Asia dan Pasifik Ke-3 diadakan di Republik Singapura hari ini, 25 Januari 2019 yang dirasmikan oleh Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Mr. Masagos Zulkifli.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke forum tersebut.

Turut menghadiri forum tersebut ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Pemangku Pengarah, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Dayang Martinah binti Haji Tamit dan pegawai kanan dari (JASTRe) dan Kementerian Pembangunan.

Ucaptama pada forum itu disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Singapura, Tuan Yang Terutama Mr. Teo Chee Hean; Presiden Republik Sosialis

Demokratik Sri Lanka dan Menteri Pembangunan dan Alam Sekitar Mahaweli, Tuan Yang Terutama Maithripala Sirisena dan Perdana Menteri Tuvalu, Tuan Yang Terutama Mr. Enele Sosene Sopoaga.

Sebelum Forum tersebut, Mesyuarat Pegawai Kanan telah diadakan.

Objektif Forum tersebut adalah untuk membincangkan strategi dan dasar, bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman mengenai tema 'Penyelesaian inovatif bagi cabaran alam sekitar dan penggunaan dan pengeluaran yang mampan'.

Dalam kenyataan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menekankan inisiatif negara ke arah mengukuhkan alam sekitar dan ekonomi hijau yang merangkumi, antara lain: pelaksanaan inisiatif 'Tidak Ada Beg Plastik Setiap Hari' mulai 1 Januari 2019, tindakan aktif Brunei terhadap strategi mitigasi yang telah dibangunkan untuk membantu sasaran perubahan

iklim negara ke arah memenuhi objektif Perjanjian Paris seperti Pengenalan Piawaian dan Penandaan Pelabelan, Pengenalan Peraturan Ekonomi Bahan Bakar, Pengembangan Garis Panduan Bangunan EEC 2015 bagi Pemerintah untuk bangunan komersial dan peningkatan cadangan hutan dari 41 peratus ke 55 peratus daripada keseluruhan kawasan tanah Negara Brunei Darussalam, meliputi semua jenis hutan termasuk hutan paya gambut.

Di akhir forum, hasil menteri (Ringkasan Pengerusi) telah diterima pakai yang mencerminkan perspektif dan komitmen dasar di Asia Pasifik untuk menangani tema sesi keempat penyelesaian Inovatif 'Persekitaran Alam Sekitar PBB bagi cabaran alam sekitar dan penggunaan dan pengeluaran yang mampan'.

Semasa di Singapura, Yang Berhormat Menteri mengadakan dua mesyuarat dua hala berasingan dengan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Malaysia, Puan Yang Terutama Ms. Yeo Bee Yin dan Ketua Pengarah Pengurusan dan Perlindungan Hutan, Kementerian Alam Sekitar dan Pehutan, Indonesia, Tuan Putera Parthama, di mana kedua buah negara telah membincangkan isu-isu mengenai kemungkinan bersama dan kemungkinan bidang kerjasama dalam memperkuat hubungan yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara berkenaan dengan alam sekitar.

Perhimpunan Alam Sekitar PBB adalah badan pembuat keputusan tertinggi di dunia mengenai perbincangan persekitaran dua tahun sekali untuk menetapkan keutamaan bagi dasar alam sekitar global dan membangunkan undang-undang alam sekitar antarabangsa.

Mesyuarat Persidangan Alam Sekitar PBB Keempat (PBB EA-4) akan diadakan pada 11 hingga 14 Mac 2019 di Nairobi, dan akan mengadopsi resolusi draf untuk Perhimpunan Alam Sekitar PBB 2019.

## Bantu kanak-kanak terpilih dalam meningkatkan pembelajaran ICT

Oleh: Haniza Abdul Latif  
Foto: Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Januari. - Sebagai sebahagian daripada sokongan berterusan Telekom Brunei Berhad (TelBru) ke arah pembangunan belia-belia di negara ini, syarikat berkenaan telah menyumbangkan lebih daripada 30 komputer meja dan komputer riba kepada kanak-kanak dari pelbagai peringkat dan tahap pendidikan dengan harapan agar mereka dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran terutama dalam dunia ICT yang berperanan penting dalam pembangunan kapasiti manusia.

Sehubungan itu, satu Majlis Penyampaian Sumbangan Komputer berlangsung di TelBru Pavilion, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dr. Awang Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Pengerusi TelBru dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, Mr. David Holliday dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan syarikat tersebut telah memilih anak-anak sekolah sebagai penerima Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang khusus.

Ke muka 9



MENTERI Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan komputer riba kepada salah seorang penerima.



# Simposium Kesihatan Jantung, tingkatkan kesedaran belia



Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi

jantung-jantung mereka yang disayangi.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan surat Al-Fatihah diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay selaku Pengerusi Bersama dan disusuli kemudian dengan penyampaian cenderahati oleh tetamu kehormat.

Antara tajuk-tajuk yang dibentangkan sepanjang simposium ini ialah 'Heart Attack: Survivor Perspective' disampaikan oleh Awang Md. Khairulamin Sungkai diikuti oleh Dr. Mohamad Ezam Emran yang menyampaikan mengenai Coronary Heart Diseases in Young Adults.

Tiga lagi tajuk, iaitu Anabolic Steroid (Know the Risks); Prevention and Treatment of Coronary Heart Disease dan The Health; Lean and Strong Physique: The Natural Way masing-masing disampaikan oleh Dr. Essam Md Shaaban; Dr. Ak. Muhammad Nadzir bin Pengiran Mohd. Juanda dan Dayang Syaima Amalina binti Haji Nokman.

Simposium turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengarah-pengarah serta Pegawai-pegawai Kanan dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan, Gleneagles JPMC dan IHS PAPRSB UBD.

Kira-kira 250 orang para mahasiswa daripada beberapa institusi pengajian tinggi dan para pemilik gim turut menghadiri simposium berkenaan.

MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar hadir selaku tetamu kehormat mendengarkan ceramah Hari Jantung Sedunia 2018 membawa tema 'Jantung Ku, Jantung Mu' (My Heart, Your Heart).

TUNGKU, Rabu, 23 Januari. - Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan dengan kerjasama Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (Gleneagles JPMC) serta Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam (IHS PAPRSB) telah mengadakan

Simposium Kesihatan Jantung sempena Sambutan Hari Jantung Sedunia 2018 sebagai kesinambungan sambutan yang telah diadakan tahun lalu yang

telah diadakan di IHS PAPRSB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Simposium antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran para belia, terutamanya para pelajar institusi pengajian tinggi dan pemilik gim akan kepentingan jantung yang sihat, serta mendidik para belia mengenai langkah-langkah bagi mencegah penyakit jantung, serta bahaya penyalahgunaan steroid, terutamanya pada kesihatan jantung.

Hari Jantung Sedunia 2018 membawa tema 'Jantung Ku, Jantung Mu' (My Heart, Your Heart) yang memfokuskan kepada penjagaan jantung sendiri dan

## Dari muka 8

Ini kerana, jelasnya, TelBru telah menerima beratus-ratus permintaan untuk bantuan derma setiap tahun namun sumbangan kecil jika dilihat realitinya tidak cukup untuk membantu dan syarikat tersebut telah giat berusaha untuk membuat perbezaan yang signifikan dan nyata dengan membantu anak-anak yang memerlukan dalam cara yang lebih bermakna dan mampan.

Tambahnya, dengan kerjasama yang rapat bersama KKBS,

mereka telah menumpukan perhatian kepada anak-anak yang mempunyai kebolehan yang berbeza, kurang berkemampuan dan kanak-kanak yang paling lemah dalam masyarakat kita.

Komputer riba yang disumbangkan itu telah diperbaharui dari inventori TelBru sendiri dengan pengemaskinian yang sesuai untuk keperluan belia-belia dan kanak-kanak sekolah seperti perisian Microsoft yang bersifat sejagat dengan penggunaan yang terpakai dalam mana-mana persekitaran kerja.

Langkah tersebut bukan sahaja menepati keperluan pembelajaran abad ke-21 tetapi juga pada masa yang sama, mengurangkan jejak syarikat melalui penggunaan semula teknologi semasa.

Sumbangan tersebut merupakan siri pertama dari beberapa rancangan lain yang dilaksanakan di bawah program 'One Computer Per Child' syarikat tersebut yang akan dijalankan dalam beberapa bulan akan datang dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Masyarakat (JAPEM) KKBS.

## Dialog AJCC kongsi maklumat tangani jenayah siber



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan), Jabatan Perdana Menteri, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali bin Pengiran Haji Yakob (dua, kiri) dan Duta bertanggungjawab bagi Kerjasama Antarabangsa dalam menangani Pengganasan dan Jenayah Terancang Antarabangsa, Jepun, Tuan Yang Terutama Eiji Yamamoto (dua, kanan) semasa mempengerusikan Dialog tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, antara delegasi ASEAN dan Jepun ketika menghadiri dialog berkenaan.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Januari. - Dialog ASEAN-Japan Cyber-Crime (AJCC) dilancarkan pada 2014 sebagai susulan kepada komitmen hasil dari ASEAN-Japan Commemorative Summit pada Disember 2013. Sehubungan itu hari ini

berlangsung Dialog AJCC Kali Ke-3 yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Dialog dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan), di Jabatan Perdana Menteri, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji

Muhamad Sazali bin Pengiran Haji Yakob dan Duta bertanggungjawab bagi Kerjasama Antarabangsa dalam menangani Pengganasan dan Jenayah Terancang Antarabangsa, Jepun, Tuan Yang Terutama Eiji Yamamoto.

Dialog diadakan sejurus selepas Dialog ASEAN-Japan Counter Terrorism (AJCT) Kali Ke-11 yang telah diadakan

baru-baru ini.

Dialog AJCC Kali Ke-3 diadakan untuk perkongsian maklumat mengenai tren dan pengajaran yang diperolehi dalam menangani jenayah siber.

Ini termasuk kerjasama ASEAN-Jepun dalam jenayah siber meliputi pembangunan kapasiti dalam memerangi jenayah siber serta hala tuju aktiviti-aktiviti yang dibiayai oleh

Japan-ASEAN Integration Fund (JAIF), di samping pelaksanaan ASEAN Senior Officials Meeting on Transnational Crime (SOMTC)-Japan Work Plan for Cooperation to Combat Terrorism and Transnational Crime (2018-2022).

Dialog AJCC Kali Ke-3 dihadiri oleh wakil-wakil dari negara-negara ASEAN, Jepun dan Sekretariat ASEAN.

# 47 penuntut menerima bantuan Program BIBD ALAF

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Januari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menganugerahkan biasiswa Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (ALAF) BIBD kepada seramai 47 penuntut yang terpilih dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penganugerahan tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah dalam ucapan alu-aluannya berkata, objektif utama program berkenaan adalah bagi mendukung pembelajaran

penuntut-penuntut untuk menjadi pemimpin masa hadapan melalui bantuan kewangan yang komprehensif.

"Ianya juga adalah satu manifestasi kukuh tentang pemedulian dan kepercayaan BIBD serta rakan strategiknya yang terdiri daripada KHEU dan Kementerian Pendidikan akan perimustahaknya "Life Long Learning" atau pembelajaran sepanjang hayat sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, dalam konteks memacu rakyat Brunei ke arah mempunyai pendidikan dan kebolehan tinggi," jelasnya.

Beliau juga antara lain mengongsikan mengenai perkembangan BIBD ALAF dalam pencapaian akademik yang mana pada tahun 2018, kesemua 37 orang penuntut BIBD ALAF yang menduduki Peperiksaan Sijil Rendah (PSR) telah lulus di

kesemua mata pelajaran yang diduduki.

"Sejumlah 13 penuntut telah berjaya meraih keputusan 5A, manakala selebihnya lulus dengan markah sekurang-kurangnya Gred C," ujar beliau.

Beliau turut mengongsikan kejayaan seorang penuntut BIBD ALAF iaitu Awang Lai Fook Looeng yang telah menerima anugerah Top 10 in the World dalam mata pelajaran Matematik oleh World Olympic Mathematics.

Dari segi pencapaian bukan akademik pula jelasnya, antara aktiviti yang dijalankan BIBD ALAF adalah penubuhan BIBD ALAF Digital Hub sebagai pusat latihan bagi penuntut-penuntut berkenaan untuk melengkapkan diri dalam kancah Internet of Things (IoT) pada mengharungi era revolusi industri keempat.

"Di sini, penuntut BIBD ALAF yang terpilih telah didedahkan ilmu *coding* dan *robotics* yang



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menyampaikan anugerah biasiswa Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (ALAF) BIBD kepada salah seorang penerima.

mana pada tahun lepas mereka berjaya menghasilkan *prototype* kereta kontrol kawalan jauh menggunakan teknologi

Micro-Bit," katanya.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh dan Pengarah Urusan BIBD, Mubashar Khokhar.

Majlis penganugerahan itu adalah kali keenam dilaksanakan sejak Program BIBD ALAF mula dirasmikan pada tahun 2013.



YANG Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah bersama 47 penuntut yang terpilih dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan yang menerima biasiswa Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (ALAF) BIBD.



MENTERI Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu (tengah) semasa diraikan dengan Majlis Makan Tengah Hari Bersempena Lawatan Rasmi ke Negarab Brunei Darussalam anjuran Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Januari. - Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam bersama Ketua-ketua Agensi dan Persatuan Rakyat Malaysia hari ini menghoskan Jamuan Makan Tengah Hari bersama Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu sempena Lawatan Pengenalan Rasmi beliau ke negara ini bermula 22 Januari yang lalu.

Kehadiran Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia ke Bangunan Canseri Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Jalan Duta

dialu-alukan oleh Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Rafedah binti Abdul Aziz selaku Charge d'Affaires (Kuasa Usaha Sementara) dan Minister Counsellor di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di NBD.

Sebelum beredar ke Dewan Serbaguna, Yang Berhormat menandatangani buku lawatan.

Puan Rafedah binti Abdul Aziz dalam ucapan alu-aluannya melahirkan rasa penghargaan di atas kunjungan muhibah Yang Berhormat ke Canseri dan seterusnya dapat berinteraksi

## Menteri Pertahanan Malaysia kagum dengan ketahanan tulisan jawi

Oleh : Khartini Hamir. Foto : Azmah Haji Ahad

dengan diaspora (komuniti) Malaysia, yang terdiri dari komuniti perniagaan dan organisasi berkaitan Kerajaan Malaysia di Negara Brunei Darussalam.

Tambahnya, lawatan Yang Berhormat merupakan lawatan rasmi pertama dari Malaysia, khususnya Menteri Kabinet Kerajaan Baharu Malaysia ke Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2019.

"InsyaAllah menerusi lawatan sumpamanya akan membuka jalan kepada lebih banyak lawatan rasmi dari para pemimpin Kerajaan Baharu Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, untuk memastikan hubungan dua hala dan kerjasama rapat dinikmati oleh kedua-dua negara bersahabat ini tetap utuh dan diperkukuhkan demi kebaikan bersama," terangnya.

Sementara menerusi ucapan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu, beliau melahirkan rasa kagum dengan budaya warga orang Brunei yang tetap kekal memelihara adat resam mereka, iaitu salah satunya dengan mempertahankan ciri membudayakan tulisan jawi di mana-mana tempat di negara ini.

"Negara merdeka dapat

mempertahankan tulisan jawi dan disemarakkan selepas merdeka, kita pula tulisan itu hebat dan kuat di bawah penjajah tapi pupus selepas merdeka, ini adalah antara perkara yang perlu kita renung kenapa jadi begitu, perkara yang baik, budaya dan tulisan yang membawa sejarah sepatutnya dapat dikembangkan juga di negara kita, terutama di daerah nusantara ini," jelasnya.

Namun sebagai ingatan bersama, tambah Yang Berhormat lagi, termasuklah menteri-menteri, pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai kedutaan dan lain-lain untuk sentiasa bekerja keras dan mempraktikkan amalan terbaik mereka, dengan mengambil contoh *leader-example* Yang Amat Berhormat Tun Dato Laila Utama Dr. Mahathir Mohamad yang sudah berusia memasuki 94 tahun, namun YAB masih mengamalkan disiplin diri yang kuat, jujur menepati masa waktu bekerja, serta memiliki prinsip diri dan berpendirian tegas.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai kerjasama

erat yang rapat sehingga ke hari ini terutama dari segi pertahanan, di mana Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah menikmati sejarah kerjasama pertahanan yang panjang dari latihan, mahupun eksekusi merentasi Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.

Program lawatan Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia di negara ini termasuklah lawatan ke Muzium ABDB dan Akademi Pertahanan (ABDB) dan berinteraksi dengan pegawai-pegawai Malaysia yang menyertai Kursus Maktab Turus Sesi Ke-9.

Beliau juga turut mengadakan lawatan ke beberapa tempat kebudayaan termasuk Taman Mahkota Jubli Emas; Muzium Alat Kebesaran Diraja; kawasan Kampong Ayer; Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah.

Lawatan rasmi tiga hari yang bermula pada 22 - 24 Januari, antara lain bertujuan untuk meneruskan usaha penguatan kerjasama pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

# 68 warga Kementerian Kewangan dan Ekonomi terima cenderamata persaraan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Januari. - Majlis Penyampaian Cenderamata Persaraan kepada 68 pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya telah diadakan petang tadi sebagai penghargaan di atas perkhidmatan cemerlang para penerima.

Majlis diadakan di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada para pesara ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dr. Awang Abdul Manaf bin Haji Metussin; Setiausaha Setiausaha Tetap serta ketua-ketua jabatan dan bahagian di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Setiausaha Tetap (Prestasi dan Korporat), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pengiran Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, majlis tersebut bertujuan untuk meraikan pegawai dan kakitangan yang telah bersara pada tahun 2017 dan 2018, dan sebagai satu tanda penghargaan kementerian berkenaan terhadap sumbangan, jasa dan khidmat bakti mereka terhadap perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi khususnya, dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia



**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah hadir selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan cenderamata kepada salah seorang pesara lelaki (kiri) dan kepada pesara wanita (kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amnya.

Beliau juga yakin bahawa para pesara telah mempunyai perancangan masing-masing dalam menjalani kehidupan di alam persaraan.

"Adalah masa yang terluang ini dapat digunakan ke arah perkara-perkara yang bermanfaat seperti mengukuhkan lagi talian kekeluargaan, melibatkan diri dengan hal ehwal berkebajikan, kemasyarakatan termasuklah kerja-kerja sukarelawan; meneroka bidang perniagaan atau pertanian; dan juga mengongsikan ilmu pengetahuan, kepakaran serta pengalaman berharga dengan anggota masyarakat, khususnya kepada belia-belua di negara ini,"

katanya.

Menurutnya, persaraan bukanlah bermakna seseorang itu tidak lagi dapat memberi sumbangan terhadap kemajuan negara.

"Sama ada kita masih berkhidmat di dalam perkhidmatan awam ataupun bekas pegawai dan kakitangan kerajaan, sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam ini, kita mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama berganding bahu menanai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar negara ini akan terus membangun dan berkembang maju demi kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran negara yang berterusan," jelasnya.

## Perubahan tempat Kursus Asas Haji

Siaran Akhbar :  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji memaklumkan bahawa tempat Kursus Asas Haji yang diaturkan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Tutong adalah diubah ke Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong pada hari Ahad, 27 Januari 2019.

Untuk makluman orang ramai

juga, perubahan tempat berkenaan khusus untuk hari Ahad sahaja dan perubahan berkenaan disebabkan beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan.

Walaupun bagaimanapun tempat lain adalah tidak berubah seperti yang dijadualkan.

Oleh itu, pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi.



Diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudah baginya suatu jalan menuju ke syurga."

- Tuliskan berapa banyak subjek dalam peperiksaan yang bakal duduki dan berapa HARI lagi yang ada untuk kamu ulang kaji.
- Buat kumpulan belajar.
- Elakkan mereka yang bersikap negatif.
- Ibu bapa perlu mengenalpasti jika anak-anak memerlukan bantuan.
- Buat peraturan belajar untuk anak-anak patuhi di rumah. Misalnya berhenti menonton televisyen selepas beberapa jam, peruntukkan masa mengulang kaji yang lebih untuk subjek-subjek yang lemah.
- Ibu bapa haruslah meluangkan masa duduk di sebelah anak-anak untuk mengulang kaji pelajaran.
- Ibu bapa haruslah memastikan bilik tidur ataupun bilik belajar mereka bersih.
- Tentukan masa riadah atau bersukan bagi anak-anak selepas seharian mengulang kaji pelajaran.

## Apa Pendapat Biskita?

### Kebaikan dan keburukan penggunaan Facebook

**F**ACEBOOK merupakan salah satu hasil ciptaan dalam perkembangan dunia teknologi hari ini yang digunakan dalam teknologi internet. Facebook juga adalah salah satu media penghubung sosial yang sangat terkenal. Melalui Facebook, masyarakat dapat berinteraksi dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia. Pengguna Facebook boleh mempamerkan apa sahaja yang mereka ingin orang lain tahu berkenaan diri mereka di laman Facebook seperti tarikh kelahiran, hobi, matlamat masa hadapan dan banyak lagi bahkan terkini melalui Facebook juga, pengguna mampu menjana pendapatan dengan menjual produk-produk serta barangan jualan mereka melalui laman berkenaan.

Persoalannya sejauh mana kebaikan Facebook itu diperolehi dan bagaimana keburukan Facebook pada masa kini boleh terjadi, dan perlukah ia terus digunakan untuk dimanfaatkan bagi masyarakat atau diharamkan bagi mengelakkan salahguna oleh sebahagian masyarakat. Apa Pendapat Biskita kali ini meninjau pandangan masyarakat kita mengenai kebaikan dan keburukan Facebook.

"Setiap perkara yang berlaku di dunia ini pasti ada baik dan buruknya, ada hitam dan putihnya. Kebaikan dan keburukan itu sememangnya suatu yang bersifat lumrah ke atas tiap sesuatu yang berlaku dan begitulah juga halnya dengan Facebook, sebuah laman sosial yang sedang hebat melanda masyarakat dunia pada hari ini terutama golongan remaja. Facebook sebenarnya mampu untuk mengekalkan hubungan, meluaskan masa, serta menyertai komuniti maya, menghiburkan, merasa hebat, mencari teman, pendedahan diri dan mencari maklumat. Bahkan ada juga individu yang menggunakan Facebook untuk mencari pengaruh, menambah kenalan dari serata ceruk dunia, mengiklankan perniagaan dan berkongsi maklumat, jadi disini jelas memperlihatkan akan kebaikan yang terdapat pada pengguna Facebook itu sendiri dan apa yang jelas ialah cara individu itu sendiri mengendalikannya untuk jalan kebaikan yang membantu atau keburukan jika ianya tidak digunakan sebaiknya."

- Vincent Goh, Muara.

"Sebagai seorang yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan, Facebook bagi saya juga mampu menjadi tempat untuk memajukan sesuatu empayar perniagaan maya di seluruh dunia, sebagai contoh, melalui Facebook saya selaku pengguna boleh memperkenalkan produk terbaharu keluaran saya sendiri kepada rakan-rakan dan orang ramai dalam Facebook, dan rakan-rakan pula akan memberitahu kepada rakan-rakan lainnya melalui tag iklan. Dengan Facebook apa-apa promosi dapat dilakukan dengan cepat. Malahan dengan kemampuan yang ada pada Facebook itu sendiri, penyebaran berita ke Facebook menjadi lebih mudah dan berkesan kerana semua pengguna akan membacanya dan jika mereka menemui sesuatu yang menarik mereka akan memberikan aksi atau respon, maka aksi atau respon mereka tersebut akan terlihat juga kepada setiap laman Facebook mereka. Namun Facebook juga memiliki bahaya dan keburukannya tersendiri jika disalahgunakan terutamanya dari segi perkenalan kerana orang yang mempunyai niat cenderung untuk memanfaatkan keburukan itu di media apa pun, tidak terkecuali dalam Facebook. Boleh dikatakan jika tersalahgunakan, ianya mampu menghancurkan seluruh kehidupan individu tersebut terutamanya di kalangan pekerja kerana jika terlalu taksud dengan Facebook tanpa mengira atau mepedulikan tugas kerja ianya mampu merosakkan karier seseorang tersebut."

"Saya juga seorang pengguna Facebook, namun tidaklah sampai ketahap yang kritikal tanpa mepedulikan tugas dan tanggungjawab diri serta keluarga. Seperti yang saya ketahui, banyak dari Facebook (pengguna Facebook) yang lebih dari satu jam di depan komputer, laptop atau telefon kerana asyik berbalas komen atau berbual, mereka menjadi lupa pada waktu, bahkan ada pula yang menggunakan Facebook untuk menaik turun status-status mereka di dalam meluahkan atau mengungkapkan perasaan mereka oleh kerana ingin didengar oleh orang lain dan maka dengan itu statusnya harus selalu diperbaharui. Jika ini terjadi bererti seseorang itu sedang ketagihan Facebook dan ini sudah jelas menjadi salah satu keburukan pada pengguna Facebook tersebut."

"Bagi saya baik atau buruknya penggunaan Facebook tersebut ianya tergantung kepada individu tersebut sendiri jika ianya diguna kepada kebaikan maka baiklah hasilnya tetapi jika ianya disalahguna pasti buruklah akibatnya. Pada pendapat saya, kewujudan laman sosial ini dapat mengeratkan tali silaturahmi, mempertemukan sahabat lama terpisah, mengikuti perkembangan aktiviti pemimpin, bertanya khabar dengan cara paling menjimatkan, berbincang, nasihat menasihati, berkongsi pengalaman dan petua serta banyak lagi kebaikan yang mampu dimanfaatkan pengguna laman Facebook ini. Tetapi tidak dinafikan juga terdapat penyalahgunaannya oleh segelintir masyarakat dimana segelintir pihak menggunakannya sebagai medium meluahkan rasa tidak puas hati dan ia bukan cara terbaik kerana penyalahgunaan laman ini tidak dapat menyelesaikan masalah dihadapi. Apa yang penting semua pihak perlu berhati-hati, cermat dan bertanggungjawab ke atas segala maklumat yang ingin disebar serta dikongsi agar ia tidak membawa padah kepada diri dan orang lain."


Sebagai seorang penulis, saya turut berpendapat di mana penggunaan Facebook ini banyak memberikan faedah dan sebaliknya dalam kehidupan seharian. Hakikatnya penggunaan Facebook ini tidak terjerumus dalam aspek negatif tetapi sikap segelintir manusia yang sering menggunakan teknologi ini ke arah yang menyelewengkan. Penggunaan Facebook ini diperkenalkan agar urusan manusia dapat dipermudahkan serta dapat menjimatkan masa dan dalam pada itu, penggunaan teknologi ini telah berkembang maju dan memberikan impak yang positif dalam kehidupan di alam maya ini, hal demikian kerana hampir semua lapisan umur telah mengetahui cara untuk menggunakan akaun Facebook ini tidak kira di mana berada dan penggunaan Facebook ini juga dapat menyumbangkan pendapatan yang baik melalui perniagaan online sekaligus pekerjaan online ini juga dapat mengukuhkan ekonominya terutamanya pada golongan wanita yang tidak berkerjaya ini juga jelas di mana rata-rata kini Facebook merupakan batu loncatan kepada para peniaga untuk melakukan perniagaan mereka secara online contoh, perniagaan tudung, makanan, aksesori dan lain-lain lagi. Selain penggunaan teknologi ini juga mampu menyalurkan komunikasi antarabangsa dalam pelbagai lapisan masyarakat dengan sekelip mata sahaja. Namun kemudahan yang diperolehi dari Facebook ini kini banyak mengundang kepada perkara negatif yang sudah tentu datangnya dari individu yang telah menyalahgunakan Facebook ini seperti dengan mewujudkan aktiviti berjudi jesteru membawa kepada aktiviti yang tidak bermoral.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

- i. Makanan tradisi dan moden
- ii. Kurangnya pengenalan kuih-muih tradisional

# Menteri Pendidikan hadiri Forum Pendidikan Sedunia



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman (dua, kanan) bersama rombongan semasa menghadiri Forum Pendidikan Sedunia (Education World Forum) 2019 di London, United Kingdom.

**LONDON, UNITED KINGDOM,** Khamis, 24 Januari. - Forum Pendidikan Sedunia (Education World Forum) 2019 dengan tema 'What we should do with what we know : Developing education policy for implementation, impact and exponential success' menutup tirainya hari ini.

Hadir bagi mewakili Negara Brunei Darussalam pada forum terbesar dunia yang menghimpunkan Menteri-Menteri Pendidikan dan kemahiran itu ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman dan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Delegasi Negara Brunei Darussalam menghadiri forum tiga hari itu bermula 21 sehingga 23 Januari 2019.

Forum Pendidikan Sedunia ini telah dirasmikan oleh Setiausaha

#### Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

Negara bagi Pendidikan United Kingdom, Yang Amat Berhormat Damian Hinds, dengan satu sesi plenari.

Seramai 1,263 delegasi dari 95 buah negara termasuk Malaysia, Viet Nam, Myanmar dan Pakistan menghadiri forum ini bagi membincangkan dasar dan juga masa hadapan pendidikan.

Forum selama tiga hari itu juga mendengarkan pelbagai pandangan dan inspirasi dari perintis, penggubal dasar dan pakar, termasuk sesi-sesi perbincangan yang dikepalai oleh Menteri-Menteri Pendidikan sendiri sebagai sebahagian dari perkongsian telus terhadap isu-isu dan cabaran bersama di bidang pendidikan, memastikan pengalaman yang produktif dan membuka minda.

Pengarah Pendidikan dan Kemahiran (Director of Education

and Skills) OECD, Andreas Schleicher; Ahli Ekonomi Kanan (Senior Economist) dalam Amalan Pendidikan Global, Bank Dunia, Samer Al-Samarrai dan Penolong Ketua Pengarah Pendidikan, UNESCO, Stefania Giannin adalah di antara penyampai ucapan yang hadir pada forum kali ini.

Dialog menteri-menteri dan sesi-sesi perbincangan juga merupakan antara perisian forum pada tahun ini yang disokong oleh Pejabat Luar dan Komanwel, Jabatan Pendidikan, Jabatan Perdagangan Antarabangsa, Jabatan Pembangunan Antarabangsa, The British Council dan rakan industri.

Sempena forum tersebut, delegasi Negara Brunei Darussalam juga turut mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah sekolah dan institusi pendidikan di United Kingdom.

# MINDA PEMBACA

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Solat Mencegah Perbuatan Keji dan Mungkar'. Tarikh Tutup : 30 Januari 2019
2. 'Semai Akhlak Mulia Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 6 Februari 2019
3. 'Ancaman Jenayah Siber Menggugat Keamanan'. Tarikh Tutup : 13 Februari 2019

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca,**  
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,  
 Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
 Bandar Seri Begawan, BB3510,  
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)  
**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

*Menangi*  
**BND75**  
*Setiap Minggu*



# Hikmah di sebalik sakit

Wata'ala. Selain itu, ujian sakit juga sebagai peringatan kepada kita agar tidak lalai dan leka daripada mengerjakan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan larangan-Nya serta supaya kita sentiasa terus mengingati dan taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Jika semasa sihat seseorang itu lazimnya terlalu sibuk dengan urusan duniawi sehingga lupa pada kewajibannya untuk memperhambakan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan beribadah kepada-Nya, maka Allah Subhanahu Wata'ala mengujinya dengan suatu penyakit untuk membuatnya sedar dan kembali mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan jika ia terlanjur akan segala kesalahan dan dosa yang telah dilakukannya. Selain itu, dengan kesakitan juga akan membuatkan seseorang itu lebih bersyukur nikmat sihat yang telah dikurniakan kepadanya selama ini. Sesungguhnya nikmat kesihatan dan kelapangan adalah dua perkara yang sering kali dilupakan dan diabaikan, kecuali apabila telah datang waktu sakit dan waktu sibuk barulah seseorang itu terfikir bagaimana ia telah mensia-siakan nikmat sihat dan lapang tersebut. Perkara ini ada disebut oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

**Maksudnya:**

"Ada 2 jenis nikmat yang kebanyakan orang terlalai olehnya, iaitu kesihatan dan waktu lapang."

Apabila di uji dengan suatu penyakit sama ada sakit yang ringan mahupun kronik, maka sebagai umat Islam, perkara utama yang perlu dilakukan ialah muhasabah diri, mengingati kembali kesalahan atau dosa yang telah dilakukan. Setelah itu, kita hendaklah menyesali keterlanjuran itu dan seterusnya bertaubat dan berazam tidak akan melakukannya lagi. Dalam menghadapi ujian dan dugaan yang menimpa kita itu.

Apabila ditimpa dengan ujian ini, kita mestilah bersabar dan menerimanya dengan redha tanpa sebarang keluhan dan rintihan. Jangan sekali-kali menyalahkan ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala kerana hanya Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Mengetahui rahsia dan hikmah di sebalik ujian yang dikurniakan-Nya itu. Terdapat dalam sebuah hadis-Nya yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

**Maksudnya:**

"Sesiapa yang Allah inginkan padanya sesuatu kebaikan, maka Allah akan mengujinya."

Ketahuilah, dalam menghadapi ujian sakit, ada beberapa perkara yang harus kita lakukan, sebagai hamba yang benar-benar beriman antaranya ialah dengan membaca dan mengamalkan ayat-ayat dari

Al-Quran, selawat, zikir atau doa-doa tertentu sebagai jalan atau usaha untuk memohon kesembuhan. Sesungguhnya setiap ayat-ayat Al-Quran itu mempunyai kelebihan dan keagungan yang tersendiri. Al-Quran juga adalah penawar atau ubat yang mampu menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra ayat 82 :

**Tafsirnya:**

"Dan kami menurunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian."

Selain berubat dengan ayat-ayat Al-Quran, Islam juga ada mengajar kaedah perubatan yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu dengan mengamalkan permakanan yang sihat seperti kurma, minum air zamzam, madu dan sebagainya.

Terdapat satu amalan doa yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam jika seseorang itu mengalami sakit pada sesuatu anggota badan, doa ini mampu mengobati penyakit pada diri sendiri dan orang lain. Satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim bahawa Uthman bin Abi Al 'As Assakhafi telah menderita sakit pada salah satu anggota tubuhnya. Kemudian dia menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerangkan tentang penyakit yang di deritanya itu. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Letakkan tanganmu pada bahagian yang sakit itu, bacalah Bismillahi, Bismillahi, Bismillahi, angkatlah tanganmu dan letakkan kembali, kemudian bacalah

أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقَدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَاذِرُ

**Ertinya:**

"Aku berlindung kepada Allah dan kekuasaan-Nya dari penyakit yang aku derita dan aku cemaskan," bacalah sebanyak tujuh kali, ulanglah beberapa kali setiap hari dan malam.

Uthman bin Abi Al 'As Assakhafi menerangkan bahawa setelah aku amalkan ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu, tidak lama kemudian aku berasa sembuh daripada penyakit yang telah aku derita beberapa waktu lamanya.

Ketika menghadapi sakit, mungkin ada sebahagian orang yang kecewa, mengeluh dan berputus asa. Lebih-lebih lagi jika penyakit yang di hidapi itu di peringkat tiada harapan untuk sembuh. Dalam keadaan begini, Islam melarang umatnya berputus asa dan mengajar cara dan bimbingan ketika menghadapinya, antaranya :

**Pertama:** Sunat bagi orang yang sakit berubat dan mendapatkan rawatan sebagai salah satu usaha untuk sembuh selain daripada bertawakal kepada Allah

Subhanahu Wata'ala dan redha akan ketentuan-Nya.

**Kedua:** Sunat membanyakkan mengingati mati.

**Ketiga:** Bertaubat terhadap segala dosa yang pernah dilakukan.

**Keempat:** Bersabar dengan kesakitan atau penderitaan kerana ia dapat mendidik seseorang itu untuk bersifat lebih tabah dan tenang menghadapi dugaan serta mendekatkan dirinya kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

**Kelima:** Makruh bagi orang yang sakit mengeluh kerana kesakitan yang dihadapinya.

**Keenam:** Sunat memperbanyakkan membaca Al-Quran dan berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

**Ketujuh:** Hendaklah bersangka baik kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

**Kelapan:** Sunat dia berpesan kepada ahli keluarganya dan kawan-kawannya pada beberapa perkara seperti berpesan untuk mengasihani dan berlemah lembut dengan kanak-kanak dan sesiapa sahaja yang ditinggalkannya.

**Kesembilan:** Apabila dia menghadapi nazak, maka hendaklah dia memperbanyakkan mengucap: *La ilaha illallah* (tiada Tuhan selain Allah), agar lafaz ini menjadi akhir kalimat atau ucapannya sebelum dia meninggal dunia.

Sesungguhnya sakit itu adalah suatu ujian atau dugaan untuk menguji keimanan dan ketaqwaan seseorang. Oleh itu, jadikanlah sakit sebagai Tarbiyah untuk kita bermuhasabah diri dan memupuk kesabaran. Seseorang yang ditimpa sakit perlu menghadapi ujian ini dengan redha, di samping berusaha untuk merawatnya. Seandainya kita telahpun berusaha mendapatkan rawatan, namun penyakit tersebut belum juga sembuh, maka kita hendaklah bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak berputus asa untuk memohon kesembuhan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah, bahawa sakit itu adalah daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Dialah juga yang berkuasa untuk menyembuhkannya.

Akhirnya sama-samalah kita berdoa: *Ya Allah! Kami memohon kepadaMu keselamatan dalam agama, kesejahteraan pada tubuh badan, penambahan Ilmu, keberkatan rezeki, mendapat rahmat ketika menghadapi kematian, keampunan selepas kematian, mendapat kebahagiaan pada hari perhitungan (hari Akhirat) dan terlepas daripada seksaan dan azab api neraka serta dimasukkan ke dalam Syurga bersama para Nabi, orang-orang Siddiqin, para Syuhada dan orang-orang soleh. Amin Ya Rabbal Alamin.*

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy Syu'araa' ayat 78-80:

**Tafsirnya :**

"Tuhan yang menyifatkan aku maka Dialah yang mengurniakan hidayah kepada ku. Dan Dialah yang mengurniakan aku makan dan minum. Dan jika aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan aku."



PEMANGKU Pengarah Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penguasa Kanan Polis (Senior Superintendent) Husaini bin Haji Matzin (tengah) hadir merasmikan 'Table Top Exercise MCG'.

## Uji kemahiran kendalikan kejadian kemalangan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Januari. - Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama Brunei Insuran Takaful Am (BITA) telah mengadakan 'Table Top Exercise Motorist Claim Guidelines (MCG)' yang berlangsung di Dewan Serbaguna JSKLL, Gadong.

Hadir merasmikan latihan eksais tersebut ialah Pemangku

Pengarah JSKLL, PPDB, Penguasa Kanan Polis (Senior Superintendent) Husaini bin Haji Matzin.

Turut hadir pegawai-pegawai, anggota pangkat rendah PPDB dari empat Daerah Polis, Timbalan Pendakwa Raya Pejabat Peguam Negara dan

wakil-wakil Insuran Motor dan Takaful Am.

Latihan tersebut bertujuan untuk menguji tatacara pegawai dan anggota PPDB serta pihak-pihak yang berkepentingan dalam mengendalikan sesuatu kejadian kemalangan yang melibatkan MCG.

**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 7(A)**

BILANGAN IKLAN 05/01/19 (SPA/BIKL)  
 Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 26 JANUARI 2019**  
**TARIKH TUTUP: 09 FEBRUARI 2019**

<p><b>1. PENOLONG PENYELIA RANCANGAN PERMAKAMAN SEKOLAH G.5</b>                  BAHAGIAN III                  JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN                  KEKOSONGAN = SATU (01)</p>	<p><b>2. GURU G.2 / G.8</b>                  BAHAGIAN III                  JABATAN-JABATAN SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN                  KEKOSONGAN = TUJUH BELAS (17)</p>	<p><b>3. MERINYU TAMAN DAN BUNGA D.1-2-3 EB.4-5</b>                  BAHAGIAN IV                  JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN                  KEKOSONGAN = SATU (01)</p>
---	--	---

**PERATURAN 38(A)**

BILANGAN IKLAN 07/2019 (SPA/BIKL)  
 Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 26 JANUARI 2019**  
**TARIKH TUTUP: 16 FEBRUARI 2019**

**PERATURAN 38(B)**

BILANGAN IKLAN 08/2019 (SPA/BIKL)  
 Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian/jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

**TARIKH IKLAN: 26 JANUARI 2019**  
**TARIKH TUTUP: 16 FEBRUARI 2019**

**1. PENOLONG KANAN PEGAWAI PERANGKAAN B.2**  
 BAHAGIAN II  
 JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
 KEKOSONGAN = SATU (01)

**2. PENOLONG PENGARAH KUMPULAN 2**  
 BAHAGIAN I  
 BAHAGIAN PEMELIHARAAN BANGUNAN DAN KENDERAAN KEMENTERIAN KESIHATAN  
 KEKOSONGAN = SATU (01)

**1. PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT II D.1-2-3 EB.4-5**  
 BAHAGIAN IV  
 JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
 JABATAN PERDANA MENTERI  
 KEKOSONGAN = LIMA (05)

**MAKLUMAN PEMBETULAN TANGGAGAJI IKLAN JAWATAN DI PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN**

**IKLAN 38A**  
 Pengurus Sistem  
 Kumpulan 2/Kumpulan 3

**Tarikh Iklan: 19.01.2019**  
**Tarikh tutup: 09.02.2019**

**HELPLINE:**

**TALIAN DARUSSALAM 123**

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**  
 Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN RUJUKAN : JBBSB / SH / 2018-2019 / 36 / UP**

**TAJUK SEBUT HARGA : ELECTRICAL WORKS AT 7TH FLOOR, BANGUNAN PUSAT KOMERSIAL DAN PERDAGANGAN BUMIPUTERA, BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP : KHAMIS, 7 FEBRUARI 2019 JAM 2.00 PETANG**

**KETERANGAN LANJUT BOLEH DIPEROLEH DARI: UNIT PEMULIHARAAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, BAHAGIAN PEMULIHARAAN DAN KENDERAAN, JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN TINGKAT 6, BANGUNAN PUSAT KOMERSIAL & PERDAGANGAN BUMIPUTERA JALAN CATOR BANDAR SERI BEGAWAN**

- SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 dan 17 dari akta Nama-nama Perniagaan (Business Names Act) dan sebut harga ini hanya layak bagi syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang mempunyai **kategori kerja bil. (E 01) Pemasangan Pendawaian Elektrik dan (B 01) Kerja-Kerja Bangunan dan Kelas 1 & 2**
- Dokumen sebut harga dikenakan bayaran / caj sebanyak **BND2.00** (Dua Ringgit Brunei) bagi pendaftaran dan **BND10.00** (Sepuluh Ringgit Brunei) bagi yuran pentadbiran dan pembayaran hanya boleh dibuat di **Kaunter Pembayaran, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri**. Tarikh terakhir bagi mendapatkan dokumen sebut harga berkenaan ialah pada **Khamis, 31 Januari 2019, jam 2.00 Petang** di **Kaunter Unit Pemuliharaan, Tingkat 6, Bangunan Pusat Komersial & Perdagangan Bumiputra, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan**.
- Sebut Harga dan salinan sijil pendaftaran perniagaan di bawah Seksyen 16 dan 17 yang disebutkan di atas hendaklah dihadapkan dalam sampul surat tertutup dengan menulis di sebelah luarnya bilangan rujukan serta tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan sebarang identiti pengirim atau tajuk sebut harga kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA MENELITI TAWARAN DAN SEBUT HARGA JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**

4. Sampul surat berkenaan hendaklah dimasukkan ke :

**PETI TAWARAN SEBUT HARGA TINGKAT 3 BANGUNAN JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN JALAN PERDANA MENTERI BA1512 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

**BAHAGIAN PENGURUSAN ASET KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**IKLAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

ADALAH dengan ini Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan mengadakan **Jualan Lelong Secara Tawaran Awam bagi 1 unit Standby Generator** bertempat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jalan Subok, Negara Brunei Darussalam.

Barang-barang yang di lelong boleh dilihat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jalan Subok. Pembeli / pengusaha / syarikat yang berminat diminta membuat perjanjian terlebih dahulu sebelum melihat barang yang hendak dilelong melalui talian telefon +673 2261177 sambungan 169 / 154 Bahagian Pengurusan Aset.

Borang-borang tawaran boleh didapati di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Bahagian Pengurusan Aset, Jalan Subok, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang beralamat :

**Tingkat Bawah Bangunan Utama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jalan Subok, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh tutup : Selasa, 19 Februari 2019 jam 2.30 Petang**

Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan ditutup rapi

(sealed). Pada bahagian atas sampul surat hendaklah hanya dituliskan :

**"Bilangan Tawaran : 01 / ASSET.MFA / 2019 Jualan Lelong Secara Tawaran Awam bagi 1 unit Standby Generator Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri " "DO NOT OPEN BEFORE 2.30PM, 19 February 2019"**

Jualan lelong secara tertutup berkenaan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :

- Tawaran adalah dibuka dengan harga permulaan berjumlah **BND1,000.00** sahaja.
- Bayaran adalah secara tunai dalam tempoh satu minggu (7) hari setelah pembeli / pengusaha / syarikat dimaklumkan berjaya bagi tawaran awam ini.
- Pembeli / pengusaha / syarikat yang membuat tawaran harga paling tinggi akan dikira berjaya.
- Pembeli / pengusaha / syarikat yang gagal membuat bayaran secara tunai dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan pembelian dibatalkan dan harga yang kedua paling tinggi akan dikira berjaya dalam tawaran tersebut atau tertakluk kepada peraturan darl pihak Kementerian Kewangan.
- Pembeli / pengusaha / syarikat yang berjaya mestilah memunggah barang-barang tersebut dalam tempoh satu minggu setelah dimaklumkan berjaya. Sebarang aduan kehilangan selepas tempoh tersebut (tidak akan dilayan).
- Pembeli / pengusaha / syarikat yang berjaya dalam tawaran awam ini akan dimaklumkan setelah penilaian dibuat dan keputusan penilaian adalah muktamad.



## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

### KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

#### JAWATAN KOSONG SEBAGAI PENGHULU MUKIM TINGKAT III - PMKK.4 (BND3,880.00 - BND4,240.00)

bagi

#### DAERAH BRUNEI DAN MUARA

##### 1. Mukim Kianggeh

#### DAERAH BELAIT

1. Mukim Seria
2. Mukim Labi
3. Mukim Sukang
4. Mukim Melilas

#### DAERAH TUTONG

##### 1. Mukim Ukong

ADALAH dimaklumkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong untuk menghadapi pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim bagi mukim di keempat-empat daerah.

#### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM TINGKAT III

##### 1. Calon Penghulu Mukim hendaklah :

- (i) Seorang lelaki yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.
- (iii) Beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Ash-Shafiee.
- (iv) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat mukim berkenaan.
- (v) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan

bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.

(vi) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di mukim ia memohon sebagai Penghulu Mukim tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(vii) Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vi) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di mukim yang ia memohon untuk menjadi Penghulu Mukim dan hendaklah tinggal dan menetap di mukim tersebut apabila dilantik sebagai Penghulu Mukim sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di mukim berkenaan.

(viii) Calon yang terdiri daripada pegawai kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Penghulu Mukim dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen (jika berkenaan).

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubahan yang berdaftar dan diiktiraf oleh kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Penghulu Mukim.

(x) Tidak menjadi ahli atau terlibat dengan mana-mana pertubuhan siasah (politik) luar dan dalam negeri.

(xi) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan atau di pihak swasta atau dalam manamana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xii) Tidak diistiharkan sebagai seorang Mufliis di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xiii) Calon-calon hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Tinggi (HND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau yang sebanding dengannya serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun

pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatan-kuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(d) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan atau Majikannya serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

atau

(a) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat I bagi kampung di dalam mukim berkenaan tidak kurang selama lima (5) tahun.

(b) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(c) Mempunyai pengalaman dalam memimpin kampungnya dalam mengadakan projek-projek atau aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perpaduan, keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan kampung.

(d) Telah juga menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat I.

#### TATACARA PENCALONAN PENGHULU MUKIM

1. Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :

(a) Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Khas Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh **seorang Pencadang** dan **dua (2) orang Penyokong**. Borang Khas Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya.

(b) Penamaan calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan

calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangani Borang Khas Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah tidak lewat 30 hari daripada tarikh pencalonan.

#### 2. Calon, Pencadang dan Penyokong

(a) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah penduduk mukim berkenaan dan tinggal menetap di mukim tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadang dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

#### TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

#### Unit Pentadbiran

**Bahagian Institusi Penghulu Mukim  
dan Ketua Kampung  
Jabatan-jabatan Daerah masing-masing  
(Jabatan Daerah Brunei dan Muara,  
Jabatan Daerah Belait, Jabatan Daerah  
Tutong dan Jabatan Daerah Temburong)  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada  
**Khamis, 16 Jamadilakhir 1440 bersamaan  
21 Februari 2019, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian seperti berikut :

1. Jabatan Daerah Brunei dan Muara : +673 2381408 / +673 2381117
2. Jabatan Daerah Belait : +673 3334335 sambungan 1115 / 1185 / 1127
3. Jabatan Daerah Tutong : +673 4222491 / +673 4222493 / +673 4222495
4. Jabatan Daerah Temburong : +673 5221110



## MAHKAMAH PEGAWAI WARIS DAERAH TUTONG

### DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG

#### SURAT KUASA PUSAKA : T / LA / 55 / 2018

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MUHAMMAD HANAFI BIN BEDALI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MUHAMMAD BEDALI BIN JANDI** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **26 JANUARI 2019, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Januari 2019.

**DK NORAFIDAH BINTI PG HAJI BUNGSU  
B/P. TIMBALAN  
PEGAWAI WARIS TUTONG  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**



## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERIJAWATAN KOSONG SEBAGAI  
KETUA KAMPUNG TINGKAT I  
PMKK.3 (BND2,270.00 - BND4,240.00)

atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT II  
PMKK.2 (BND1,990.00 - BND2,970.00)

atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT III  
PMKK.1 (BND1,280.00 - BND2,270.00)

bagi

## DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Kampung Lambak 'A', Mukim Berakas 'A'
2. Kampung Manggis I dan Manggis II, Mukim Berakas 'B'
3. Kampung Sungai Tilong, Mukim Berakas 'B'
4. Kampung Tanah Jambu, Mukim Mentiri
5. Kawasan 1, Kampung Rancangan Perumahan Negara Mentiri, Mukim Mentiri
6. Kawasan 2, Kampung Rancangan Perumahan Negara Mentiri, Mukim Mentiri
7. Kampung Puduk, Mukim Kota Batu
8. Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara Rimba, Mukim Gadong 'A'
9. Kawasan 3, Rancangan Perumahan Negara Rimba, Mukim Gadong 'A'
10. Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara Rimba, Mukim Gadong 'A'
11. Kampung Kiulap, Mukim Gadong 'B'
12. Kampung Pengkalan Gadong, Mukim Gadong 'B'
13. Kampung Tasek Meradun dan Bunut, Mukim Kilanas
14. Kampung Tanjung Bunut, Mukim Kilanas
15. Kampung Madewa dan Telanai, Mukim Kilanas
16. Kampung Lumapas 'A', Mukim Lumapas
17. Kampung Pengkalan Batu, Mukim Pengkalan Batu
18. Kampung Masin, Mukim Pengkalan Batu
19. Kampung Tanjung Nangka, Mukim Sengkuring
20. Kampung Jerudong, Mukim Sengkuring

## DAERAH BELAIT

1. Kampung Sungai Teraban, Mukim Kuala Belait
2. Kampung Sungai Liang, Mukim Liang
3. Kampung Merangkang, Mukim Bukit Sawat

## DAERAH TUTONG

1. Kampung Benutan, Mukim Rambai
2. Kampung Danau, Mukim Telisai
3. Kampung Merimbun, Mukim Rambai

## DAERAH TEMBURONG

1. Kampung Belais dan Buda-Buda, Mukim Bokok
2. Kampung Belingos, Mukim Bangar
3. Kampung Menengah, Mukim Bangar
4. Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo
5. Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi

ADALAH dimaklumkan bahawa Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang

bermastautin di kampung-kampung yang tersenarai di atas bagi ke empat-empat daerah untuk menghadapi pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua Kampung.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN  
CALON KETUA KAMPUNG

1. Calon Ketua Kampung hendaklah :

(i) Seorang lelaki yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

(iii) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.

(iv) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemeduliaan dan prihatin.

(v) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan kuat daripada Ketua Jabatan atau Majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah satu kelebihan.

(vi) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen (jika berkenaan).

(vii) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di kampung ia memohon sebagai Ketua Kampung tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(viii) Calon yang tidak memenuhi syarat di (vii) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di kampung yang ia memohon untuk menjadi Ketua Kampung dan hendaklah tinggal dan menetap di kampung tersebut apabila dilantik sebagai Ketua Kampung samada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di kampung berkenaan.

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Ketua Kampung.

(x) Tidak menjadi ahli atau terlibat dengan mana-mana pertubuhan siasah (politik) luar dan dalam negeri.

(xi) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xii) Tidak diisytiharkan sebagai seorang Mufliis di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xiii) Bagi jawatan KETUA KAMPUNG TINGKAT I dengan tanggungaji PMKK.3, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (OND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat II tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja ditahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.

(e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri.

(f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat II.

(g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat II.

(xiv) Bagi jawatan KETUA KAMPUNG TINGKAT II dengan tanggungaji PMKK.2, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat III tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.

(e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri.

(f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat III.

(g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat III.

(xv) Bagi jawatan KETUA KAMPUNG TINGKAT III dengan tangga gaji PMKK.1, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran kredit peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan

keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(xvi) Syarat-syarat lain :

(a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa dan dimana-mana saja.

(b) Hendaklah bersedia untuk menjadikan rumah kediamannya sebagai tempat perjumpaan dengan penduduk kampung.

(c) Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TATACARA PENCALONAN  
KETUA KAMPUNG

(1) Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :

(a) Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon serta disahkan oleh Penghulu Mukim sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya.

(b) Penamaan calon atau calon-calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah pada bila-bila masa sebelum tarikh pengundian.

## 2. Calon, Pencadang dan Penyokong

(a) Pencadang dan penyokong hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk kampung berkenaan dan tinggal menetap di kampung tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadang dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

TATACARA MENGHADAPKAN  
BORANG PENCALONAN :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

## Unit Pentadbiran

Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung  
Jabatan-jabatan Daerah masing-masing  
(Jabatan Daerah Brunei dan Muara,  
Jabatan Daerah Belait, Jabatan Daerah Tutong dan Jabatan Daerah Temburong)  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada  
**Khamis, 16 Jamadilakhir 1440 bersamaan  
21 Februari 2019, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian seperti berikut :

- (1) Jabatan Daerah Brunei dan Muara : +673 2381408 / +673 2381117
- (2) Jabatan Daerah Belait : +673 3334335 sambungan 1115 / 1185 / 1127
- (3) Jabatan Daerah Tutong : +673 4222491 / +673 4222493 / +673 4222495
- (4) Jabatan Daerah Temburong : +673 5221110



# Menteri Pertahanan Malaysia lawat Muzium Alat Kebesaran Diraja

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Januari. - Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jabatan Muzium-Muzium menerima lawatan dari Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu beserta rombongan.

Ketibaan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu disambut oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pemangku Pengarah Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, KKBS, Awang Hajji Abdoh bin Haji Damit dan Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Awang Amirul Syukri bin Haji Hafneh.

Sepanjang lawatan di muzium tersebut, Menteri Pertahanan Malaysia diberikan penerangan oleh Pengurus Muzium Alat Kebesaran Diraja, Pengiran Norazah binti Pengiran Haji Muhammad.

Muzium Alat Kebesaran Diraja mempunyai empat galeri utama khusus mempamerkan Istiadat Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



**MENTERI** Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu menandatangani Buku Lawatan semasa berkunjung ke Muzium Alat Kebesaran Diraja (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu mendengarkan penerangan daripada Pengurus Muzium Alat Kebesaran Diraja, Pengiran Norazah binti Pengiran Haji Muhammad.

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1968 termasuk Alat-Alat Kebesaran Diraja dan perkembangan Negara Brunei Darussalam

sepanjang 50 tahun pemerintahan baginda. Muzium tersebut pernah memenangi Anugerah Best Attraction Award dari Asia Travel and Tourism dan TripAdvisor Certificate of Excellence 2012.



**Siaran Akhbar dan Foto :**  
**Jabatan Muzium-Muzium**

Ia dibuka setiap hari dari jam 11.30 pagi hingga 2.30 petang. Masuk adalah percuma. Kecuali Jumaat, tutup antara jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

# Menyebarkan maklumat palsu dikenakan tindakan undang-undang

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**  
**Foto : Mohammad Asri Haji Awang Abas**

**TEMBURONG,** Khamis, 24 Januari. - Penyebaran berita atau maklumat palsu yang boleh menimbulkan rasa takut dan cemas di kalangan orang ramai serta menimbulkan suasana tegang dan tidak menyenangkan serta menyelewengkan fakta boleh diambil tindakan di bawah perundangan Penggal 148 Akta Ketenteraman Awam Seksyen 34.

Bagi sesiapa yang sama ada, menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan atau membuat kenyataan yang salah boleh menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh di penjara tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000.

Manakala dalam penggal 24 Akta Hasutan Seksyen 4 (1) iaitu sesiapa sahaja melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubhat untuk menjalankan hasutan boleh dikenakan hukuman penjara dua tahun dan denda BND5,000.

Mengikut kaji selidik pihak AITI, jumlah pengguna bagi Aplikasi Whatsapp kini berjumlah 97.3 peratus, Facebook 91.7 peratus dan Instagram 87.4 peratus.

Perkara tersebut antara maklumat yang dikongsikan pada Program Sua Muka (Personal Contact) Jabatan Penerangan ke Kampung Kenua, Mukim Bokok di sini.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada program yang diadakan di kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, Penghulu Mukim Bokok selaku Pemangku Ketua Kampung Kenua ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Rombongan disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan daripada Ibu Pejabat dan Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

Hadir sama ialah Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Kenua; para penduduk Kampung Kenua dan wakil dari Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB).

Program tersebut turut memperkenalkan dan membarigakan Aplikasi Mudah Alih 'InfoDeptBN'; menerangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi berkenaan melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS serta maklumat berkaitan Epaper Pelita Brunei, Penerbitan, Waktu Sembahyang, Iklan Jawatan Kosong.

Selain itu, program turut membarigakan Inisiatif Penghijrahan Minda Masyarakat, iaitu mencari jalan terbaik bagi menukar mindset masyarakat supaya tidak bergantung harap bantuan kerajaan semata-mata dan menaiktaraf kehidupan penduduk agar boleh berdikari dan bekerja sendiri, di samping membarigakan Peralihan Sistem Analog ke Digital dari pihak Radio Televisyen Brunei (RTB) yang mula bersiaran dalam format digital sejak 1 Januari 2018.

Turut dikongsikan ialah



**AHLI** Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, Penghulu Mukim Bokok selaku Pemangku Ketua Kampung Kenua (kanan) dan Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (kiri) semasa Program Sua Muka (Personal Contact) Jabatan Penerangan ke Kampung Kenua, Mukim Bokok.

demonstrasi tatacara pemasangan TV dengan peralatan-peralatan yang betul bagi penerimaan siaran digital yang memberikan kualiti gambar yang berkualiti tinggi dan audio yang lebih jelas.

Program bertujuan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan, di samping sebagai platform bagi mendapatkan isu-isu, pendapat dan cadangan yang perlu diambil perhatian serta tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan di mana dalam masa yang sama juga membarigakan dan mempromosikan perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung, terutamanya tempat dan produk untuk diperkenalkan kepada Akhbar Rasmi Kerajaan,

Pelita Brunei.

Kampung Kenua mempunyai keramaian penduduk kira-kira 181 orang terdiri dari 80 lelaki dan 101 perempuan.

Dari jumlah tersebut 86 orang beragama Islam dan selebihnya berbangsa Iban.

Kampung ini turut dibekalkan dengan pelbagai kemudahan asas termasuk talian Telefon, Bekalan Elektrik, Bekalan Air, Jalan Raya, Jalan Kecil Batu dan Pondok Kecil.

Produk-produk yang dihasilkan ialah Kuih jala, Pekasam, Anyaman dan Kraf Tangan.

Pada program tersebut beberapa isu turut dibangkitkan, iaitu infrastruktur dan kemudahan awam, seperti jalan raya dan sekolah; siaran/ pancaran signal radio; televisyen dan telefon bimbit kurang memuaskan dan keselamatan awam.



**PENDUDUK** Kampung Kenua, Mukim Bokok yang hadir pada Program Sua Muka tersebut.

# Majlis Khatam Al-Quran 98 Kali sempena Hari Polis

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Januari. - Amalan membaca Al-Quran merupakan satu budaya yang terpuji, kerana Al-Quran menjadi sumber pegangan kepada umat Islam untuk dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan dunia mahupun akhirat.

Sehubungan itu, budaya membaca Al-Quran terus dititikberatkan dan dipupuk di kalangan warga Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Majlis Khatam Al-Quran 98 Kali bersempena Sambutan Hari Polis Kali Ke-98 Tahun 2019.

Majlis yang julung kalinya diadakan berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pesuruhjaya Polis, Pasukan PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam bersama datin.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengarah-

pengarah, Pegawai-pegawai Kanan dan para pegawai, isteri-isteri pegawai serta anggota Pangkat Rendah PPDB.

Seramai 42 peserta khatam lelaki dan 56 peserta khatam wanita terdiri daripada pegawai lelaki dan wanita, anggota pangkat rendah serta kakitangan awam Pasukan PDB menyertai majlis itu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh peserta khatam, Penolong Penguasa Polis (ASP) Wan Firdaus bin Haji Mohd. Aminuddin diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta bacaan Takhtim oleh peserta-peserta khatam.

Majlis bertujuan bagi memupuk dan menyuburkan minat membaca Al-Quran yang mendalam di kalangan warga PPDB, di samping mengangkat martabat Al-Quran yang banyak mengajar dan menyeru umat Islam untuk menimba dan memartabatkan ketinggian ilmu dalam kehidupan.



**PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (kanan) hadir pada Majlis Khatam Al-Quran 98 Kali bersempena Sambutan Hari Polis Kali Ke-98 Tahun 2019 yang berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.**

## Bengkel tingkatkan mutu pengajaran guru bahasa Melayu

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-izzati Haji Duraman



**PEMBENGGKEL** semasa menyampaikan Bengkel Bahasa Melayu yang diadakan di Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Januari. - Sebagai usaha meningkatkan kemahiran guru-guru Bahasa Melayu di sekolah-sekolah swasta dalam pengajaran dan pembelajaran, Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan dengan

kerjasama Star Yusma Publishing (SYP) mengadakan Bengkel Bahasa Melayu selama dua hari bermula 22 Januari lepas dan berakhir di Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat Pengarah Urusan Star Yusma Sdn. Bhd., Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat.

Bengkel tersebut membincangkan penggunaan buku Sasaran Cemerlang PSR, Panduan Umum dan Format PSR Bahasa Melayu Kertas 2 dan Panduan Menjawab Soalan Kertas 2, iaitu Fahaman, Tata Bahasa dan Pelajaran Jawi.

Bengkel antara lain bertujuan bagi meningkatkan mutu pengajaran guru-guru, khususnya dalam Bahasa Melayu, selain menambah pengetahuan dalam teknik-teknik mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam penulisan karangan dan meningkatkan kefahaman dalam pelaksanaan penilaian penulisan karangan.



**SEBAHAGIAN** daripada guru-guru yang menyertai Bengkel Bahasa Melayu bagi guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Swasta.

## SM SMJA terima rombongan pelawat CTI

Berita dan Foto :  
Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Januari. - Institut Teknologi Citralada (Citalada Technology Institute-CTI), Thailand mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) yang terletak di ibu negara, di sini.

Kehadiran rombongan yang diketuai oleh Presiden CTI, Dr. Khunying Sumonta Promboon itu dialu-alukan oleh Pengetua SM SMJA, Awang Haji Juma'ata Sonadey bin Haji Murni beserta guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah berkenaan.

Terdahulu, Pengetua SM SMJA memberikan penerangan mengenai latar belakang penubuhan sekolah tersebut yang mula beroperasi sebagai sekolah rendah pada tahun 1951.

Menurutnya, SM SMJA dapat menampung seramai 1,000 pelajar setiap tahun.

Sementara itu, Presiden CTI, Dr. Khunying Sumonta Promboon dalam ucapan balasnya pula menjelaskan tujuan



**PENGETUA Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Awang Haji Juma'ata Sonadey bin Haji Murni (tengah) mengalu-alukan rombongan Institut Teknologi Citralada (Citalada Technology Institute-CTI), Thailand.**

lawatannya beserta rombongan ke Negara Brunei Darussalam adalah atas saranan dan cadangan yang baik dari Her Royal Highness (HRH) Princess Maha Chakri Sirindhorn, the Princess Royal of Thailand sendiri, berikutan lawatan baginda ke negara ini pada November 2018

lepas. Rombongan berada di negara ini sejak Selasa lalu, 22 Januari dan antara tempat yang dikunjungi ialah Sekolah Rendah Haji Tarif, Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah dan Universiti Teknologi Brunei (UTB).



**ROMBONGAN** dari Institut Teknologi Citralada (Citalada Technology Institute-CTI) diketuai oleh Presiden CTI, Dr. Khunying Sumonta Promboon (tengah).

# Meningkatkan kemahiran penyempurnaan jenazah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 Januari. - Bengkel Tahsinul Fikrah (Penyempurnaan Jenazah) Bagi Pasukan Beruniform anjuran Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT)



berakhir dengan Majlis Penutup berlangsung di Bilik Auditorium Pusat Optima Kecergasan Tentera, Bolkliah Garison. Tetamu kehormat, Ketua JAMA'AT, Tentera Laut Diraja Brunei Komander Haji

Ainolnizam bin Haji Ibrahim semasa berucap di majlis tersebut beliau berharap agar para peserta bengkel dapat menerapkan segala kemahiran yang diperolehi untuk dipraktikkan dan diamalkan dalam hidup bermasyarakat, kerana penyempurnaan jenazah itu memerlukan praktikal yang berlanjutan dan juga pengalaman yang realistik bagi menguasai dan memahirkannya dalam ilmu fardu kifayah.

Dengan adanya bengkel ini tambahnya, para peserta juga dapat mempraktikkannya dalam lingkungan keluarga dan organisasi kerja.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin oleh 50731 Soldadu Abdul Manan bin Othman.

Di majlis tersebut tetamu kehormat juga menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta bengkel.

Doa Selamat dibacakan oleh

PARA peserta Bengkel Tahsinul Fikrah ketika hadir untuk menerima sijil masing-masing setelah menamatkan bengkel.



KETUA Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT), Tentera Laut Diraja Brunei Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim (kanan) menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Bengkel Tahsinul Fikrah (Penyempurnaan Jenazah) Bagi Pasukan Beruniform anjuran JAMA'AT.

15637 Staf Sarjan (U) Haji Muhammad Syasuandi bin Haji Abu Bakar.

Bengkel yang buat julung kalinya dianjurkan oleh JAMA'AT ini melibatkan penyertaan pasukan-pasukan beruniform daripada agensi luar, iaitu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Jabatan Keselamatan Dalam Negeri; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Penjara.

Objektif bengkel adalah untuk menjalinkan silaturahim serta mengukuhkan perpaduan bersama pasukan beruniform yang lain melalui latihan keagamaan dengan mengongsikan ilmu, kemahiran dan pengalaman di antara satu dengan yang lain sama ada di antara jabatan-jabatan mahupun secara individu.

Majlis turut dihadiri oleh para pegawai jemputan daripada pasukan beruniform.

## Bina keyakinan peserta ceburi bidang perniagaan



ESTATE Manager / Programme Coordinator IBTE CET, Pengiran Mohammad Zainulariffin bin Pengiran Mohammad Hassan.

**GADONG**, Khamis, 24 Januari. - Lebih 30 peserta di bawah Projek Pembangunan dan Pemeraksanaan Masyarakat melalui Program Masakan, Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE CET) mengendalikan Minggu Keusahawanan yang diadakan selama tiga hari bermula pada 22 Januari yang lalu.

Minggu Keusahawanan tersebut

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

berlangsung di Bangunan IBTE CET, Jalan Pasar Baharu.

Estate Manager / Programme Coordinator IBTE CET, Pengiran Mohammad Zainulariffin bin Pengiran Mohammad Hassan berkata, antara objektif program tersebut diadakan adalah bagi membina keyakinan diri para peserta program masakan berkenaan untuk menceburkan diri dalam menjalankan aktiviti perniagaan.

"Para peserta yang mengikuti program ini terdiri daripada penerima-penerima bantuan dari tiga agensi, iaitu Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM); Program Pengupayaan Asnaf Zakat, Majlis Ugama Islam Brunei dan Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurutnya, program tersebut telah pun dijalankan bermula pada 3 hingga 17 Januari yang lepas, di mana mereka mempelajari sebanyak 16 resipi daripada guru masakan IBTE CET.

Selain program masakan jelasnya, pihak IBTE CET juga menjemput beberapa agensi

termasuk daripada Bahagian Kawalan Makanan Halal, Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Kementerian Kesihatan dan Darussalam Enterprise untuk memberikan taklimat kepada para peserta.

"Alhamdulillah, sambutan sangat menggalakkan di sepanjang Minggu Keusahawanan ini, di mana para penganjur terdiri daripada pelajar-pelajar IBTE Kampus Bisnes dan mereka yang berada di sekitar kawasan Gadong," katanya.

Para peserta program akan dinilai berdasarkan tiga aspek, iaitu dari segi komunikasi, prestasi dan penyediaan bahan-bahan untuk jualan.

"Selepas para peserta menamatkan program tersebut pada 28 Januari nanti, kami juga akan melihat dan membuat penilaian dengan meminta maklum balas daripada agensi-agensi yang terlibat, di mana kami perlu memastikan para peserta telah pun memulakan perusahaannya selepas satu hingga tiga bulan menamatkan program," katanya.



ANTARA peserta Program Projek Pembangunan dan Pemeraksanaan Masyarakat melalui Program Masakan, Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE CET).

## Ekonomi NBD catat penurunan pada Suku Ketiga Tahun 2018

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 Januari. - Pada suku ketiga 2018 (Q3 2018), Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam (NBD) pada harga semasa dianggarkan berjumlah BND4.5 bilion berbanding BND4.0 bilion pada Q3 2017.

Sektor Minyak dan Gas bernilai BND2.6 bilion menyumbangkan 57.3 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar.

Pada harga tetap, KDNK mencatatkan penguncupan 1.2 peratus tahun ke-tahun. Ini terutamanya disebabkan oleh penurunan eksport bersih barangan dan perkhidmatan sebanyak 75.2 peratus. Manakala, permintaan dalam negeri, khususnya perbelanjaan kapital sektor swasta terus berkembang sebanyak 33.1 peratus tahun-ke-tahun, setelah meningkat sebanyak 32.8 peratus pada suku sebelumnya.

Dari segi penawaran (*supply*), pertumbuhan negatif tahun-ke-tahun pada suku ketiga 2018 disebabkan oleh penguncupan Sektor Industri sebanyak 2.2 peratus. Ini dipengaruhi terutamanya oleh Subsektor Pembuatan Gas Cecair Asli (Liquefied Natural Gas (LNG)) dan Methanol yang menurun sebanyak 7.4 peratus berikutan pengeluaran LNG yang menurun daripada 949,349 MMBtu sehari pada Q3 2017 kepada 861,309 MMBtu sehari pada Q3 2018. Ini diikuti oleh penurunan Subsektor Perlombongan Minyak dan Gas sebanyak 0.7 peratus selaras dengan penurunan pengeluaran gas asli sebanyak 7.5 peratus pada tempoh yang sama daripada 34.0 juta meter padu sehari kepada 31.4 juta meter padu sehari.

Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan juga mencatatkan penurunan sebanyak 1.2 peratus berikutan penurunan dalam pengeluaran Subsektor Sayur-Sayuran, Buah-Buahan dan Pertanian Lain dan Subsektor Perikanan. Subsektor Sayur-Sayuran, Buah-Buahan dan Pertanian Lain menurun disebabkan oleh penurunan dalam pengeluaran sayur-sayuran.

Walaupun bagaimanapun, ianya diimbangi oleh pertumbuhan di Subsektor Perhutanan dan Subsektor Ternakan yang mana masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.7 peratus dan 0.5 peratus.

Walaupun bagaimanapun, Sektor Perkhidmatan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus. Antara lain, ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Perkhidmatan Kerajaan sebanyak 4.2 peratus dan Subsektor Hartanah dan Pemilikan Tempat Kediaman sebanyak 2.4 peratus.

Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Ketiga 2018 boleh didapati melalui laman web JPKE: [www.dep.gov.bn](http://www.dep.gov.bn).

# Jabatan Penerangan suntik semangat kenegaraan, patriotik pelajar

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan  
Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Khamis, 24 Januari. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong telah mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan di Sekolah Menengah Sufri Bolkihah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya.

Program tersebut berlangsung di Dewan Kumpul, sekolah berkenaan.

Juga hadir ialah Pengetua Sekolah berkenaan, Dayang Goh Siah Ching, Timbalan-Timbalan Pengetua, guru-guru serta penuntut-penuntut Tahun 7 dan 10 sekolah tersebut yang seramai 289 penuntut.

Antara tujuan Program Rakan Remaja Penerangan ialah bagi menyebarluaskan maklumat dan kegiatan semasa, di samping untuk mendekati para remaja di

sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan dan hal ehwal sekeliling mereka.

Program ini juga adalah untuk menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial di kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya dan juga memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan, terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif, serta mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terinspirasi.

Antara perisian atur cara program ialah nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan juga lagu patriotik 'Bendera Negara' oleh koir Sekolah Menengah Sufri Bolkihah.

Ini diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan juga Doa Selamat yang dibacakan oleh Haji Md.



PEMANGKU Penolong Pegawai Daerah, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya (dua, kanan) menyempurnakan penyampaian hadiah kuiz kenegaraan kepada pemenang.

Khairol Amri bin Haji Talipuddin.

Para pelajar dan juga tetamu kehormat berkesempatan untuk menyaksikan tayangan klip-klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah

Bendera Negara' dan 'Semarak Pengibaran Bendera' serta klip video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan

Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

## Lima produk kesihatan dicemari bahan terlarang

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan lima produk kesihatan yang didapati dicemari dengan ubat-ubatan barat yang tidak diisytiharkan hasil dari ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Sainifik, Kementerian Kesihatan.

Produk berkenaan adalah Ginseng Kianpi Pil yang dicemari

dengan Dexamethasone & Cyproheptadine; Urat Saraf Kapsul produk Industri Kampung, Malaysia yang dicemari dengan Dexamethasone & Diclofenac; Montalin Jamu Pegal Linu dan Asam Urat Kapsul, pengilang dari P.J.Air Madu, Indonesia yang mengandungi Cyproheptadine; Jamu Caissar Raja Obat Kuat Kapsul, pengilang dari P.J.Sinar Bulan, Indonesia didapati mengandungi Sildenafil, dan

Hammer of Thor 850mg Capsule, pengilang dari Italy juga mengandungi bahan yang dicemari iaitu Sildenafil.

Bahan-bahan pencemar dalam produk-produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Penggunaan kortikosteroid Dexamethasone secara berpanjangan tanpa pengawasan boleh menyebabkan peningkatan pada paras glukosa dalam darah yang mengakibatkan penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi, katarak, penyakit otot dan tulang, serta meningkatkan risiko jangkitan yang teruk.

Penggunaan kortikosteroid dalam jangka panjang juga boleh mengakibatkan Cushing's syndrome yang mana ciri-cirinya adalah seperti muka bulat atau moon face, serta kegemukan pada bahagian badan yang atas dengan anggota kaki dan tangan yang kecil. Pengguna-pengguna yang telah mengambil dos steroid yang tinggi dalam tempoh masa yang lama mungkin mengalami gejala yang termasuk keletihan, sakit otot dan sendi, demam, kadar gula dalam darah yang rendah, tekanan darah yang rendah dan dehidrasi.

Cyproheptadine pula digunakan untuk melegakan gejala-gejala alahan yang mana ianya mempunyai beberapa kesan advers termasuk merasa mengantuk, pening, kelemahan otot, tekanan darah menurun, kabur penglihatan, mulut kering, kemurungan, denyutan jantung tidak menentu, meningkatnya selera makan dan berat badan.

Diclofenac adalah sejenis ubat penahan sakit yang apabila dimakan tanpa pengawasan boleh menyebabkan ulser peptik, pendarahan usus, loya, muntah-muntah, kabur penglihatan, edema, penyakit kuning, kegagalan organ buah pinggang.

Sildenafil adalah ubat yang digunakan untuk merawat mati pucuk yang memerlukan preskripsi doktor. Antara kesan-kesan sampingan apabila memakan ubat-ubat tersebut ialah merasa mual, muntah-muntah, muka kemerahan dan pening. Dalam kes-kes yang teruk, ia juga boleh menyebabkan peningkatan yang luar biasa dalam degupan jantung, kehilangan pendengaran secara tiba-tiba dan sawan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi

penjualan produk-produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan advers dan merasa tidak sihat selepas memakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan dalam talian seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah akta berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah. Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah, akan didenda sebanyak BND16,000 dan dua belas (12) bulan penjara.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Pelesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Pelesenan melalui talian telefon +673 2393298 sambungan 208; emel kepada [pharmacy.enforcement@moh.gov.bn](mailto:pharmacy.enforcement@moh.gov.bn) atau berjumpa terus Pegawai Komplians dan Pelesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'; atau hubungi Talian Darussalam 123.




JAMU Caissar Raja Obat Kuat Kapsul



MONTALIN Jamu Pegal Linu Dan Asam Urat Kapsul



HAMMER of Thor 850mg Capsule.



GINSENG Kianpi Pil



KAPSUL Urat Saraf.

# Semai semangat patriotik pelajar



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat kali ini diadakan di Auditorium, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

Turut hadir pengetua sekolah tersebut, Awang Zamain bin Abdul, tenaga-tenaga pengajar bersama seramai 183 pelajar Tahun 7.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara serta mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Pengisian program termasuklah Taklimat Kenegaraan yang disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya yang antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Selain itu, para hadirin turut menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Para penuntut kemudian berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan  
Foto : Mohammad Asri Haji Awang Abas



ANTARA pelajar Tahun 7 Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin yang menghadiri taklimat tersebut.

**KETUA** Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

## Berkunjunglah ke petak pameran BIBD di Pesta Pengguna

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Januari - Orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung ke petak pameran Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) di Pesta Pengguna Kali Ke-22 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas mulai 23 hingga 27 Januari 2019 untuk meninjau pelbagai kempen, produk dan perkhidmatan BIBD.

Para pelanggan BIBD juga akan dapat mengetahui lebih lanjut mengenai Aspirasi BIBD, sivil dari skim deposit yang memberikan ganjaran untuk simpanan, termasuk hadiah utama BND250,000. Aspirasi BIBD diperkenalkan untuk menyokong objektif kebangsaan dan AMBD untuk mempromosikan budaya

simpanan dan pengurusan wang berhemat di Negara Brunei Darussalam. Pendaftaran ke Kad Kredit Mastercard BIBD juga akan dimasukkan ke dalam Kempen Swipe to Travel dengan membawa hadiah utama 500,000 Mata Hadiah dan pakej perjalanan bernilai BND5,000.

Selain daripada pengecualian ke atas semua yuran pemprosesan pembiayaan, pelanggan BIBD juga akan diberi ganjaran dengan baucar kopi apabila mereka mendaftar untuk pembiayaan tersebut.

BIBD sebagai rakan Bank rasmi untuk Pameran Hari Pengguna Ke-22 bertujuan untuk menggalakkan transaksi tanpa tunai semasa acara tersebut.

Dengan sokongan yang kuat terhadap pelan hala tuju AMBD Digital, BIBD telah mewujudkan platform yang kukuh untuk membolehkan penyelesaian pembayaran digital dengan rangkaian keupayaan pembayaran digital menerusi pelepasan terbaharu platform BIBD NEXGEN menerusi pelepasan terbaharu BIBD NexGen Mobile, BIBD QuickPay yang dilancarkan Ogos lalu, Kad Master Contactless yang membolehkan transaksi ringkas, mudah dan terjamin. Di samping itu, boleh menerima ganjaran segera melalui siri mata Hadiah yang lebih menarik untuk setiap leretan kad, tap atau wave.

Semasa Pesta Pengguna, kebanyakan peniaga akan disediakan dengan terminal yang akan menerima *contactless* serta pilihan QuickPay bagi awda untuk membuat pilihan pembayaran

awda untuk memasukkan mata hadiah awda.

Dalam hal ini, pertandingan video telah dilancarkan hari ini dengan menjemput orang ramai untuk membuat video pendek yang menunjukkan bagaimana pembayaran digital (*contactless*, QuickPay dan potensi Mobile Wallet melalui teknologi NFC) menjadikan kehidupan mudah untuk pelanggan dan memberikan ketenangan fikiran dari keselamatan ciri-ciri yang tertanam dalam teknologi platform

BIBD NexGen. Dengan tema 'Dunia melampaui Tunai' BIBD berharap dapat memberi ganjaran yang kreatif dengan telefon bimbit terkini.

Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan BIBD, kempen dan promosi, sila log masuk ke laman sesawang [www.bibd.com.bn](http://www.bibd.com.bn), ikuti BIBDBRUNEI di media sosial, lawati cawangan terdekat BIBD atau hubungi Pusat Hubungan khusus BIBD melalui talian +673 223 8181.

## Kerjasama erat banteras aktiviti jenayah



PENOLONG Pegawai Menguasa Balai Polis Lamunin Percubaan, Inspektor Ak. Md. Waie @ Ak. Fathurahman bin Pg. Abdullah Sani semasa membuat lawatan ke rumah Ketua Kampung Bekiau / Pengkalan Mau, Haji Mohd. Taib bin Haji Jaludin.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TUTONG,** Rabu, 23 Januari. - Keanggotaan Balai Polis Lamunin yang diketuai oleh Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Lamunin Percubaan, Inspektor Ak. Md. Waie @ Ak. Fathurahman bin Pg. Abdullah Sani kelmarin telah membuat lawatan ke rumah Ketua Kampung Bekiau / Pengkalan Mau, Haji Mohd. Taib bin Haji Jaludin.

Perjumpaan yang turut dihadiri oleh dua Ahli Pengawasan Kejiranan (PK) kampung

berkenaan bertujuan untuk membincangkan status kadar jenayah dan kejadian kemalangan yang dilaporkan di kawasan kampung tersebut.

Turut dikongsikan ialah kemajuan serta perancangan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan bagi memantapkan kerjasama institusi ahli-ahli PK di kampung tersebut, di samping mengeratkan silaturahmi dengan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

**LENSA**  
Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :  
**pelita.brunei@information.gov.bn**
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :  
1) 'Air' - Tarikh Tutup : 26 Januari 2019  
2) 'Senyum' - Tarikh Tutup : 9 Februari 2019  
3) 'Bendera atau Anak Merdeka' - Tarikh Tutup : 23 Februari 2019  
Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



# Kenali Negara Kitani

# MPK Rataie sahut saranan kerajaan tingkatkan sara diri

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**P**ENEMPATAN penduduk yang efektif oleh pihak berwajib menjadikan Kampung Rataie sebagai sebuah kampung yang kini padat dengan penduduk setelah projek Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) dilaksanakan di kawasan berkenaan. Kampung yang terletak di dalam Mukim Bokok, Daerah Temburong itu kini merangkumi penempatan Kampung Rataie asal, serta perumahan-perumahan awam Rataie.

Sejak 19 Oktober 2018, jawatan Ketua Kampung Rataie dipangku oleh Awang Haji Moslim bin Haji Salleh, yang mana kampung-kampung di bawah tadahan beliau ialah Kampung Rataie, RPN Kampung Rataie dan STKRJ Kampung Rataie dengan jumlah penduduk mengikuti jantina seramai 2,292 orang, iaitu 1,135 orang lelaki dan 1,157 perempuan.

Seperti mana kampung-kampung lain di negara ini, Kampung Rataie juga diberikan kemudahan prasarana oleh pihak kerajaan seperti Masjid RPN Kampung Rataie, sebuah sekolah rendah, Balai Bomba, Dewan Kemasyarakatan di samping diberikan kemudahan bekalan air dan tenaga elektrik.

## Sahut Saranan Kerajaan

Dalam pada itu, ke arah menyahut saranan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap meningkatkan sara diri, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rataie telah melaksanakan dan turut sama menjayakan program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Projek yang dijalankan oleh Biro Wanita MPK Rataie itu mengusahakan 'Perusahaan Makanan Kering dan Beraneka Biskut' dan

mula beroperasi pada 24 Oktober 2009 oleh 23 orang ahli Biro Wanita MPK Rataie.

Dalam pendekatan Pelita Brunei bersama Ketua Biro Wanita yang juga Ketua Penyelaras bagi 'Perusahaan Makanan Kering dan Beraneka Biskut' MPK Rataie, Dayang Rona binti Bagol menjelaskan, projek perekonomian mereka itu dijalankan di Dapur Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok yang dibina oleh Jabatan Daerah Temburong, KHEDN dan mula digunakan pada bulan Mei 2010. Ujarnya, projek pembuatan produk ini dibuat secara kerjasama dalam kalangan ahli-ahlinya yang terdiri daripada suri rumah tangga sepenuh masa.

Antara produk-produk yang mereka hasilkan termasuklah bahulu, tart nenas, pelbagai jenis biskut, popia madu, Kerepek Ubi Kentang Madu dan sebagainya.

## Pemasaran

Sehingga kini, produk-produk hasil daripada perusahaan ini dipasarkan di Kedai Kampung, yang terletak di Pekan Bangar, Daerah Temburong; Aewon Souvenir Store, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Seri Nova Food Sendirian Berhad, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan dijual secara persendirian di sekitar Daerah Temburong dan luar daerah.

Mereka juga memasarkan produk-produk tersebut dengan menyertai ekspo dan bazar yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkenaan baik di dalam mahu pun luar daerah, malahan pernah mengikuti ekspo bertaraf antarabangsa yang diadakan di Republik Rakyat China.

Menurut Dayang Rona, hasil daripada penyertaan tersebut berjaya meningkatkan permintaan terhadap hasil perusahaan Biro Wanita MPK Rataie di mana permintaan yang sangat menggalakkan adalah tempahan biskut tart nenas, bahulu, wajid dan biskut.



SALAH satu produk yang dihasilkan oleh Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rataie di bawah Perusahaan Makanan Kering dan Beraneka Biskut.

## Tingkatkan Kemahiran

Ke arah meningkatkan kemahiran bagi penghasilan produk yang lebih berkesan, beberapa ahli Biro Wanita MPK Rataie telah mengikuti Bengkel Asas Teknologi Pembungkusan Label Makanan dan Nutrien yang dikendalikan oleh Bahagian Industri Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Bengkel Pelan Perniagaan Jenama, Kod Beralpang, Teknologi Pembungkusan, Label Makanan dan Nutrasi.

Dengan menyertai bengkel-bengkel berkenaan sudah setentunya mereka akan dapat mengaplikasikannya bagi menghasilkan produk yang lebih kompetitif dan berdaya saing. Kemahiran yang diperoleh melalui bengkel-bengkel tersebut juga diharap akan dapat membantu MPK Rataie dalam menjayakan rancangan masa depan mereka untuk meningkatkan jualan

produk dan memperbaiki *packaging* dan *labeling*.

## Kesimpulan

Projek perekonomian yang diusahakan oleh Biro Wanita MPK Rataie ini amat berpotensi dalam meningkatkan taraf ekonomi penduduk-penduduk kampung khususnya kepada balu-balau, suri-suri rumah, ibu-ibu tunggal yang tidak bekerja sebagai pendapatan sampingan bagi membantu dan menyara keluarga supaya sama-sama menikmati kesejahteraan hidup tanpa mengharap bantuan kerajaan semata-mata. Oleh itu, ahli jawatankuasa MPK Rataie dan khususnya Biro Wanita MPK Rataie berharap akan sentiasa mendapat sokongan dari mana-mana pihak terutamanya Jabatan Daerah Temburong, KHEDN dalam sama-sama merealisasikan projek 1K1P ini.



PERUSAHAAN Makanan Kering dan Beraneka Biskut merupakan projek perekonomian yang diusahakan oleh Biro Wanita MPK Rataie ke arah menyahut saranan kerajaan terhadap meningkatkan sara diri.

# Ahli Kelab Judo Program JENESYS kunjungi Kementerian Pendidikan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Rabu, 23 Januari. - Seramai 18 mahasiswa dan mahasiswi Jepun, Kelab Judo dari Program JENESYS 2018 telah mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman di Aras 6, Bilik Mesyuarat, Kementerian Pendidikan, Berakas, di sini.

Majlis telah dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman. Kemudian majlis diakhiri

dengan penyampaian cenderahati disampaikan oleh Awang Aliuddin kepada wakil peserta JENESYS 2018.

Judo merupakan seni bela diri yang berasal dari Jepun kini diamalkan oleh lima juta orang di seluruh dunia, yang mana sebanyak 196 negara anggota berdaftar di bawah Persekutuan Judo Antarabangsa sebagai salah satu sukan Olimpik.

MAHASISWA dan mahasiswi Jepun, Kelab Judo dari Program JENESYS 2018 mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman ketika berucap semasa menerima kunjungan rombongan Program JENESYS 2018.

## Pertukaran Judo Jepun adakan kunjungan hormat

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Januari. - Seramai 18 ahli rombongan dari Jepun terdiri daripada 15 penuntut dan tiga

pegawai penyelia berada di negara ini bermula 22 hingga 29 Januari 2019 bagi mengikuti pertukaran Judo melalui Program

Outbound JENESYS 2018.

Sehubungan itu, rombongan tersebut telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat, bertempat di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan di Jalan Kebangsaan.

Dayang Mariam mengalu-alukan rombongan penuntut tersebut dengan harapan mereka akan menikmati pengalaman dan program pertukaran bersama belia Brunei melalui lawatan

ke dua buah sekolah yang dipilih, di samping mengalami kehidupan seharian rakyat negara ini melalui program *homestay* bersama keluarga tempatan.

Menurutnya, sukan Judo merupakan seni bela diri tradisi Jepun yang baru bertapak di Negara Brunei Darussalam dengan penubuhan Persekutuan Judo pada April 2018 yang lalu dan ia berjaya menarik minat para belia untuk mempelajari sukan tersebut.

Ketua rombongan, Kitada Yudai ketika ditemui melahirkan keinginan untuk mempelajari budaya Brunei sebanyak yang mungkin semasa berada di negara ini dan seterusnya memperkenalkan daya tarikan Judo sebagai seni bela diri yang popular, serta membayangkan aspek budaya Jepun.

JENESYS 2018 merupakan komponen serantau 'Japan Friendship Ties Programme' yang menggalakkan pertukaran rakyat antara rakyat Jepun dengan negara lain, di samping meningkatkan pemahaman mengenai ekonomi, masyarakat, sejarah, budaya pelbagai, politik dan hubungan diplomatik serta membangunkan dasar persahabatan dan kerjasama masa hadapan.



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat (depan, tiga, kiri) bergambar ramai bersama rombongan JENESYS 2018 bagi program pertukaran Judo sempena kunjungan hormat ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## BDNJF terima kunjungan hormat rombongan Program Outbound JENESYS 2018

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Januari. - Persekutuan Judo Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNJF) hari ini menerima kunjungan rombongan Program Outbound JENESYS 2018 dalam Pertukaran Judo sebagai salah satu atur cara lawatan ke negara ini.

Rombongan dialu-alukan oleh Timbalan Presiden I, Awang Chong Chee Kiong dan Jurulatih Akademi Judo Sekolah Sukan Brunei, Muhammad Ali Rashid bin

Haji Muhammad Alipah, serta ahli-ahli BDNJF yang lain di Bilik Juri, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.


Kunjungan hormat diisikan dengan perkongsian maklumat mengenai aktiviti dan perancangan BDNJF dalam usaha untuk membangunkan kurikulum sukan Judo yang bersesuaian untuk penduduk tempatan, dan sesi soal jawab bersama ahli-ahli rombongan yang terdiri daripada 15 pelajar dari Osaka Kyoiku

University dan Setsunan University dan tiga orang pegawai penyelia.

Sebagai ucapan balas, wakil dari Setsunan University, Tomoko Kono menyuarakan rasa berbesar hati dengan layanan yang diterima di sepanjang berada di negara ini, di mana mereka berpeluang untuk mengadakan sesi latihan Judo bersama penuntut Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Menurutnya, walaupun dengan perbezaan bahasa, sukan Judo membolehkan mereka berkomunikasi dan berseronok melakukan aktiviti bersama.

"Saya berharap semakin ramai



TIMBALAN Presiden I, Negara Brunei Darussalam, Awang Chong Chee Kiong (kanan) menerima cenderahati daripada wakil rombongan JENESYS 2018 Program Outbound dalam Pertukaran Judo, Yasuharu Mizuno.

rakyat Brunei berminat kepada Judo dan seterusnya menyertai pertandingan antarabangsa dan juga Sukan Olimpik di Tokyo

nanti," tambahnya. Majlis diakhiri dengan bertukaran cenderahati dan sesi bergambar ramai.

# Sukan

## INFO SUKAN

TRIATHLON merupakan satu perlumbaan melibatkan pelbagai aktiviti sukan yang diadakan secara berterusan dan berurutan. Lazimnya ia melibatkan tiga jenis sukan seperti berenang, berbasikal dan berlari. Tujuan sukan ini ialah untuk menyelesaikan keseluruhan aktiviti sepanjang yang boleh.



ePaper Pelita Brunei

# Brunei tuan rumah Kejohanan ADT 2019

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Azmah Haji Ahad

**JERUDONG**, Rabu, 23 Januari. - Brunei Cement Butra Heidelberg Cement Sendirian Berhad merupakan penaja utama Kejohanan Asian Development Tour (ADT) 2019 yang akan diadakan selama empat hari bermula 24 April 2019.

Kejohanan Brunei ADT 2019 yang merupakan kali kedua itu mempelawa semua pengemaran dan

pemain golf di negara ini yang akan diadakan di Empire Golf Club.

Sehubungan itu satu Majlis Penandatanganan Perjanjian Penajaan dimeterai pada majlis yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar

Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan majlis tersebut.

Kejohanan tersebut akan menawarkan hadiah wang berjumlah USD75,000.

Objektif utama kejohanan berkenaan ialah bagi mempromosikan Brunei sebagai destinasi golf premium di rantau ini, selain memberi galakan kepada belia di negara ini untuk menyertai sukan berkenaan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyaksikan pertukaran dokumen (atas). Sementara gambar sebelah kiri, sesi penandatanganan perjanjian penajaan bersama Brunei Cement Butra Heidelberg Cement Sendirian Berhad yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club.



# Panchor Murai FC tewaskan Tabuan Muda

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PEMAIN Tabuan Muda (jersi kuning) cuba menghadang pemain pasukan Panchor Murai FC (jersi hitam).

**BERAKAS**, Jumaat, 25 Januari. - Pasukan Panchor Murai FC menewaskan pasukan Tabuan Muda dengan keputusan 5 - 4 melalui sepakan penalti pada perlawanan Playoff Piala FA Brunei DST 2018/2019 yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Pada babak pertama perlawanan, pasukan Tabuan Muda beraksi cemerlang apabila menjaringkan gol pertamanya seawal minit ke-5 hasil jaringan Mohd. Hadif Aiman Haji Adanan.

Namun, pada minit ke-65, pasukan Panchor Murai FC menyamakan kedudukan melalui jaringan Awangku Muhd. Nor Hidayat Pengiran Haji Abas.

Perlawanan terpaksa dilaratkan hingga ke masa tambahan 30 minit selepas kedua-dua pasukan kekal terikat 1 - 1.

Namun kedua-dua pasukan gagal memecahkan kebuntuan apabila keputusan kekal 1 - 1 sehingga perlawanan masa tambahan tamat. Kemudian kedua-dua pasukan terpaksa berhadapan dengan sepakan penalti penentuan di mana pasukan Tabuan Muda terpaksa akur

apabila tewas 5 - 4 di tangan pasukan Panchor Murai FC.

Manakala dalam satu lagi perlawanan playoff menyaksikan pasukan Seri Wira FC menewaskan Rimba Star FC 5 - 2.

Sementara itu, perlawanan playoff seterusnya akan berlangsung pada Ahad ini yang akan menyaksikan DPMM FC menentang Rainbow FC dan Jerudong FC dijadualkan menentang BSRC FT.

## Tahukah Awda

**P**ADA 30 November 1988, Negara Brunei Darussalam telah mengharamkan kemasukan dan penjualan minuman keras secara berperingkat-peringkat bermula dari pengharaman menghidangkan arak dalam setiap penerbangan Diraja Brunei (RBA). Pada 1 Disember 1991, pengharaman minuman keras dikuatkuasakan secara menyeluruh. Pengecualian khas untuk memasukkan minuman keras hanya diberikan kepada diplomat-diplomat asing serta mereka yang bukan beragama Islam sebagai kegunaan persendirian dengan kadar jumlah yang telah ditetapkan iaitu tidak melebihi dua botol minuman keras (maksimum dua liter) dan 12 tin bir @ 330 ml.

SUMBER: Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'HADAPI UJIAN DAN DUGAAN DENGAN KESABARAN DAN REDA'

دتربتكن اوله جباتن فترامن، جباتن فردان منري دان دجبتق اوله جباتن فرچيتفن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam